

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2022

HARI ISNIN : 21 MAC 2022

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah para pelajar tajaan JPA yang menuntut di luar negara dibenarkan bekerja di negara pengajian mereka selepas habis pengajian.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memastikan pelajar terbaik bekerja di Malaysia, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Pembangunan Kerjaya bagi membantu pelajar tajaan mendapatkan pekerjaan di Malaysia. Program ini mengguna pakai pendekatan kolaboratif bersama pelbagai agensi Kerajaan, GLC dan swasta melalui :
 - i. Program Perkongsian dan Penawaran Pekerjaan;
 - ii. Program Perkongsian Maklumat Sektor Pekerjaan dan Industri;
dan
 - iii. Program Pembangunan Kerjaya di IPT.

2. Berkaitan dengan penajaan pelajar, berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 11 Mac 2016, Kerajaan telah melaksanakan model baharu penajaan mulai tahun 2016 dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) berasaskan tempat berkhidmat bagi menggalakkan graduan berkhidmat di dalam negara setelah menamatkan pengajian.

3. Menerusi model penajaan PBU ini, pelajar yang telah menamatkan pengajian boleh dipertimbangkan untuk pengecualian atau pengurangan kadar bayaran balik pinjaman bergantung kepada sektor perkhidmatan atau tempat berkhidmat seperti berikut:

- i. Sektor Awam - dikecualikan bayaran balik sepenuhnya;
- ii. *Government Linked Company* (GLC) - bayaran balik 25% daripada jumlah keseluruhan;
- iii. Syarikat swasta dalam negara - bayaran balik 50% daripada jumlah keseluruhan; dan
- iv. Selain daripada keadaan di atas - bayaran balik 100% daripada jumlah keseluruhan.

4. Di samping itu, Kerajaan juga telah menetapkan tempoh ikatan berkhidmat di Malaysia kepada pelajar tersebut mengikut tempoh pengajian yang diikuti dengan nisbah tempoh perkhidmatan seperti berikut:

- i. Universiti Awam:
 - 1 Tahun Pengajian; 1 Tahun Perkhidmatan
- ii. Institut Pengajian Tinggi Swasta:
 - 1 Tahun Pengajian; 1.5 Tahun Perkhidmatan
- iii. Institut Pengajian Luar Negara:
 - Tahun Pengajian; 2 Tahun Perkhidmatan.

NO SOALAN: 13

5. Tempoh ikatan berkhidmat ini adalah sebagai salah satu kaedah memastikan pelajar menyumbang bakti kepada negara dan seterusnya bagi mengelakkan pelajar bekerja di luar negara yang akan mengakibatkan berlakunya kehilangan bakat terbaik di dalam negara (brain drain).

6. Sekiranya pelajar memilih untuk tidak bekerja di Malaysia dan tidak memenuhi ikatan tempoh berkhidmat, pelajar tidak layak menerima kemudahan pengurangan bayaran balik pinjaman dan akan dikenakan tuntutan ganti rugi dengan kadar kos sebenar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan tegas dan pemantauan yang lebih ketat yang diambil Kerajaan terhadap aktiviti penipuan sijil vaksinasi palsu yang digunakan untuk pelbagai tujuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sijil digital COVID-19 mempunyai ciri keselamatan yang tinggi dan sukar dipalsukan. Sijil vaksin COVID-19 Malaysia menggunakan teknologi *blockchain* melalui *Vaccine Management System* (VMS) yang telah diiktiraf oleh perbadanan antarabangsa. Setiap vaksin yang dibekalkan oleh pihak farmasi mempunyai *barcode* dan nombor siri unik yang akan diimbis oleh setiap penerima vaksin setelah menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Seterusnya, pegawai di PPV akan melengkapkan maklumat vaksinasi dalam *Malaysian Vaccine Administration System* (MyVAS) dan sijil digital vaksin COVID-19 akan dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera. Setiap transaksi MYVAS boleh diaudit untuk tujuan keselamatan atau mengesan sebarang penyalahgunaan.
2. Kes pemalsuan sijil COVID-19 yang dilaporkan sebelum ini adalah kerana ada pegawai perubatan yang telah menyalahgunakan kemudahan sebagai pengguna MyVAS dengan mengimbis *barcode* vaksin sebenar yang dibekalkan atau memasukkan nombor siri unik vaksin dalam MyVAS, tetapi tidak memberikan vaksin. Oleh itu, maklumat tentang vaksin seperti nama vaksin dan nombor lot adalah maklumat sebenar tetapi individu tersebut tidak diberikan vaksin.

NO SOALAN: 14

3. Sehubungan itu, kes sijil vaksinasi palsu ini hanya dikenal pasti jika terdapat laporan atau aduan orang ramai terhadap mana-mana PPV yang mengeluarkan sijil tanpa memberikan vaksin. KKM akan membuat siasatan dalaman dan seterusnya melaporkan kepada pihak PDRM jika terdapat bukti bahawa pengeluaran sijil palsu tersebut berlaku. KKM dan juga ProtectHealth (Pemegang taruh PICK perkhidmatan swasta) melaksanakan pemantauan dan audit secara berkala sebagai langkah menangani sebarang isu seperti pemalsuan kes tidak berlaku.

4. Mengikut Akta Perubatan (pindaan) 2012 dan Peraturan-peraturan Perubatan (Pindaan) 2017, mana-mana pengamal perubatan yang membuat salah laku boleh dikenakan hukuman maksimum termasuklah di bawah Seksyen 30(1)(e) iaitu dibuang dari daftar Majlis Perubatan Malaysia tertakluk kepada intipati kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan menyatakan perancangan strategik untuk membangunkan sektor bioteknologi di negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya terus memberikan jawapan mengenai perancangan strategik untuk membangunkan sektor bioteknologi di negeri Terengganu, izinkan saya menerangkan sedikit maklumat mengenai perkembangan sektor bioteknologi di peringkat persekutuan.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang memuktamadkan Dasar Bioteknologi Negara (DBN) 2.0 yang merupakan kesinambungan kepada DBN 2005-2020. DBN 2005-2020 memberi penumpuan terhadap 3 sektor utama iaitu Bioteknologi Perindustrian, Bioteknologi Penjagaan Kesihatan dan Bioteknologi Pertanian.
3. Ketiga-tiga sektor ini dikenalpasti di bawah DBN 2005-2020 sebagai sektor bioteknologi bernilai tinggi bagi menjana pendapatan ekonomi negara. Semenjak pelancaran dan melalui ekosistem di bawah DBN 2005-2020, jumlah pendapatan antara syarikat BioNexus, di dalam tiga sektor ini, meningkat daripada RM721 juta pada tahun 2011 kepada RM1.5 billion pada tahun 2019¹.
4. Pembangunan ekosistem bioteknologi negara juga diterajui bersama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri serta sokongan daripada lima (5) koridor wilayah ekonomi dan sekurang-kurangnya sebelas agensi pelaksana negeri. Kebanyakan inisiatif dalam pembangunan bioteknologi di peringkat

negeri bertumpu kepada **Bioteknologi Pertanian** (contoh: pembuatan *biofertilizer*, *superfood* dan makanan alternatif), **Bioteknologi Perindustrian** (contoh: penghasilan metabolit, biojisim dan biopemangkin) dan **Bioteknologi Penjagaan Kesihatan** (contoh: pembuatan ubat Halal berasaskan botani, terapeutik dan ubat biogenerik).

5. Sejar dengan Rancangan Malaysia Ke-12, bagi Sektor **Bioteknologi Perindustrian** akan menumpukan ekonomi kitaran sisa sifar seperti di dalam industri petroleum dan gas. Sektor yang ada di Terengganu, bioteknologi perindustrian mampu mengurangkan kesan cabaran berkaitan dengan jaminan tenaga dan alam sekitar, termasuk perubahan iklim dan bahan buangan yang disumbang ke dalam kerja minyak gas ini.
6. Kementerian ini juga sedang meneliti dan memfokus kepada **pengeluaran biobahan termaju dan makromolekul biologi** bagi menggantikan bahan-bahan berasaskan bahan api fosil. Contohnya biobahan termasuklah nanoselulosa gred perubatan bernilai tinggi dan sumber karbon yang ditebus guna daripada bahan sisa. Contoh makromolekul biologi termasuk protein untuk digunakan dalam sektor lain termasuk makanan dan penjagaan kesihatan serta metabolit seperti gula dan sebatian reka bentuk untuk digunakan dalam pengeluaran tenaga atau proses dan pembuatan industri.

7. Konsep sisa sifar yang dicadangkan adalah menggunakan sumber stok suapan (*feedstock*) yang ada - terutamanya daripada sumber sisa pertanian dan perbandaran. Contoh sisa pertanian termasuk sisa daripada industri minyak sawit; keutamaan harus diberikan kepada sisa tersebut untuk diproses menjadi produk bernilai tinggi, berbeza daripada penyelesaian teknologi rendah atau cepat dan mudah seperti pembakaran dan sebagai eksport stok suapan murah untuk kegunaan luar daripada lingkaran ekonomi kitaran negara. Contoh sisa perbandaran termasuk bahan buangan daripada pasaran serta sisa domestik. Kejayaan rantai bekalan tersebut memerlukan kerjasama dan komitmen pembekal stok suapan seperti pertanian berskala besar termasuk perbandaran dan kerajaan tempatan yang akan menjadi pemain utama selaku konsortium stok suapan sisa perbandaran.

8. Untuk Program Perdana ini juga, MOSTI akan bekerjasama dengan Kementerian berkaitan seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan pengumpulan stok suapan bagi tujuan pelaksanaan program pengeluaran biobahan termaju.

POTENSI SEKTOR BIOTEKNOLOGI DI TERENGGANU

Tuan Yang di-Pertua,

9. Bagi sektor bioteknologi penjagaan kesihatan pula, DBN memberi impak kepada peningkatan kecekapan dan kualiti penghasilan produk kesihatan. Sebagai contoh, NanoMalaysia bersama industri dan institusi penyelidikan di Malaysia telah membangunkan pelbagai sistem penyelesaian berasaskan nanoteknologi dan bioteknologi. Teknologi dan sistem berkaitan bioteknologi yang telah dibangunkan di negeri Terengganu termasuklah Penternakan Burung Walet Pintar (*Smart Swiflet Farming*).
10. Projek ini telah diasaskan oleh SS Walit Care dan bertujuan untuk memasarkan sarang burung yang boleh dimakan (*Edible Bird's Nest*) atau lebih dikenali sebagai Yan Wo dalam kalangan masyarakat Cina. SS Walit Care terletak di Kg. Masjid Hiliran, Kuala Terengganu dan telah menghasilkan lebih daripada 50 buah unit rumah burung di sekitar Terengganu sejak 2010.
11. Sistem yang diaplikasikan untuk produk ini boleh meningkatkan pengeluaran sarang burung melalui tindak balas pantas oleh pengendali rumah burung sekiranya terdapat bacaan parameter yang tidak kondusif atau optimum. Komponen pemantauan gas dalam sistem ini juga menjamin tahap kualiti sarang burung yang tinggi bagi mengelakkan kandungan ammonia atau nitrit yang berlebihan. Entiti perniagaan dijangka menerima pendapatan lebih tinggi daripada jualan manakala orang ramai akan menikmati sarang burung yang berkualiti tinggi. Negeri Terengganu juga

berpotensi untuk bertindak sebagai pengeluar sarang burung yang boleh diaplikasikan bagi menghasilkan produk-produk bernilai tinggi seperti produk perubatan tradisional alternatif, makanan tambahan kesihatan (supplement), kosmetik dan *cosmeticeutical*. Kemajuan dalam bidang perubatan pula membolehkan Institusi Penyelidikan melihat potensi menggunakan ekstrak sarang burung bagi merawat penyakit kanser dan juga sistem penghantaran ubat bersasar.

12. Bioteknologi pertanian turut menyediakan teknologi kultur tisu dan *gene editing* untuk menghasilkan sumber tanaman yang boleh dihasilkan pada kadar lebih cepat dan berkualiti.

Tuan Yang Di-Pertua,

13. Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) di bawah MAFI juga akan terus membantu untuk memacu aktiviti Bioteknologi di Malaysia. Buat masa ini Bioeconomy Corporation ada menawarkan Program Status BioNexus di mana syarikat bioteknologi, boleh mendapat pengecualian cukai sebanyak 70% selama 5 atau 10 tahun.
14. Selain daripada itu, Program *Bio-Based Accelerator* (BBA) juga diwujudkan di mana syarikat bioteknologi dan berasaskan bio boleh mendapat bimbingan dari segi latihan, pensijilan, kewangan, teknologi dan sebagainya.

NO SOALAN: 15

15. Setakat ini, terdapat dua (2) syarikat BioNexus dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.9 juta pada tahun 2021 di Terengganu yang terlibat dalam industri bioteknologi seperti berikut:
 - i. Bioteknologi pertanian (*agriculture biotechnology*) dalam sektor nutraseutikal yang berasaskan herba.
 - ii. Bioteknologi perindustrian (*industrial biotechnology*) dalam penghasilan fiber kenaf melalui kaedah *bio-retting*.

16. Seterusnya, Bioeconomy Corporation melalui kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan juga telah membawa masuk pelaburan langsung asing (FDI) di negeri Terengganu iaitu di *Kertih Biopolymer Park* bagi **pengeluaran bahan untuk makanan ternakan**. Sehingga tahun 2021, projek ini telah mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM3.5 bilion dan telah memberi peluang pekerjaan kepada seramai 583 orang.

17. Bioeconomy Corporation juga telah membuat fasilitasi dan berkolaborasi dengan:
 - i. *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) untuk memajukan sektor herbal iaitu *Herbal Integrated Cluster Development* (HICD), Pasir Raja, Terengganu yang membabitkan syarikat berstatus BioNexus;
 - ii. Universiti Malaysia Terengganu dalam pengkomersilan teknologi untuk sektor kelulut dan akuakultur; dan

NO SOALAN: 15

- iii. Syarikat BioNexus untuk mendapatkan bekalan bahan mentah (*Roselle*) dari petani di Terengganu yang akan digunapakai sebagai bahan untuk makanan ternakan.
18. Dalam hal ini, MOSTI sentiasa komited dan bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian serta agensi lain dalam membangunkan perkhidmatan serta aplikasi teknologi terkini demi melestarikan pembangunan sektor bioteknologi di bumi Terengganu ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Haji Bashir Bin Haji Alias minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek-projek RMKe-11 yang tertangguh di Labuan dan sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk menyiapkannya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sebanyak 74 projek pembangunan telah diluluskan di bawah RMKe-11 untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada jumlah ini, sebanyak 41 projek telah siap dilaksanakan manakala baki sebanyak 33 projek sambungan sedang dilaksanakan di bawah RMKe-12 pada tahun 2022. Daripada jumlah 33 projek ini, sebanyak 11 projek berstatus Pra-Pelaksanaan, 12 projek berstatus Dalam Pelaksanaan dan 10 Projek berstatus Pasca Pelaksanaan.

2. Kerajaan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sentiasa melaksanakan pemantauan projek secara berterusan bagi memastikan tiada projek-projek pembangunan Kerajaan tertangguh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Seruandi Bin Saad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kesediaan dan sejauh mana Kementerian akan memperluas Program Estet Padi (EMM) 2.0 ke negeri Perlis bagi meningkatkan purata hasil padi negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Estate Management Model* (EMM) adalah satu model pengurusan padi yang diperkenalkan oleh *Northern Corridor Economic Region* (NCER) tertumpu kepada pengurusan sawah padi oleh pesawah bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Pada tahun 2020, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) dengan Kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah memperkenalkan Program EMM 2.0 Pendang, Kedah bertempat di Kampung Asam Jawa sebagai satu model rintis "*prove of concept*". Ia merupakan gabungan komponen-komponen pertanian moden yang telah diadaptasi dalam projek EMM dengan memperkenalkan Sistem Pertanian Pintar dalam aktiviti pengurusan padi secara skala komersial. Sistem pertanian pintar bagi projek EMM 2.0 Pendang yang dibangunkan oleh syarikat tempatan melibatkan penggunaan *Internet of Things* (IoT) dan teknologi Revolusi Perindustrian (IR) 4.0. Program EMM 2.0 akan berakhir pada tahun 2026 ini akan menumpukan kepada usaha peningkatan purata hasil padi kepada 8 tan metrik per hektar per musim.

Bermula pada tahun 2022, Projek EMM 2.0 bakal diperkembangkan lagi ke negeri Perlis dan dinamakan dengan Projek EMM 2.0++. Ia merupakan inisiatif di bawah *NCER Agribio Economic Zone* (NAEZ) dengan keluasan yang lebih besar di dua kawasan yang dikenali sebagai Transkrian Agri Hub dan Chuping-Bukit Kayu Hitam Agri Belt. NAEZ merupakan satu pelan pembangunan holistik yang menggabungkan

NO SOALAN: 17

keseluruhan rantai nilai industri pertanian bagi memastikan kelestarian keselamatan makanan negara disokong dengan pelbagai kemudahan dan bantuan seperti teknologi, penyelidikan dan pembangunan dan komersial (R&D&C), pembangunan modal insan dan kemudahan pembiayaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab-sebab kematian dalam tahanan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan masalah ini tidak berlaku lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Hasil siasatan awal yang dilaksanakan oleh Unit Siasatan Jenayah Kematian Tahanan (USJKT) JIPS PDRM terdapat (12) kes kematian tahanan dalam Lokap PDRM dengan sebab-sebab kematian tahanan adalah seperti di Lampiran 'A'

Usaha kerajaan melalui JIPS PDRM dalam mencegah kematian tahanan dalam lokap adalah seperti berikut :

1. Penubuhan Unit Siasatan Jenayah dan Kematian Tahanan (USJKT) yang bermula 1 Januari 2022. Objektif penubuhan unit ini bukan sahaja memberi *semblance of independence* kepada masyarakat, malah ianya juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menangani isu salah laku melalui penubuhan IPCC. Unit ini menjalankan siasatan kes kematian mana-mana orang dalam tahanan atau jagaan polis di seluruh negara dengan adil, telus, professional, serta selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada.
2. Penambahbaikan mekanisme pemeriksaan lokap PDRM dengan mewujudkan (4) borang senarai semak (*checklist*) selaras dengan arahan-arahan yang dikeluarkan bagi memastikan pemeriksaan/ lawatan/ rondaan dapat dilaksanakan dengan lebih teliti dan berkesan

NO SOALAN: 18

oleh Ketua Polis Daerah, Ketua Polis Balai, Pegawai Bertugas dan mana-mana Pegawai Kanan Polis yang diarahkan. JIPS melalui Cawangan Pematuhan akan menguatkuasa arahan/ SOP pengurusan lokap dengan membuat pemeriksaan dan pemantauan sebagai *check and balance* pematuhan arahan/SOP tersebut oleh semua pihak yang berkaitan. Arahan penambahbaikan ini telah dikeluarkan dalam e-SIAR PDRM pada 14 Mac 2022 oleh Pengarah Jabatan Pengurusan.

3. Cadangan menubuhkan Klinik Custodial Medical Unit di setiap lokap Polis. Unit ini berperanan membuat pemeriksaan terus kesihatan semua tahanan sebelum dimasukkan dalam sel lokap dan semasa berada dalam lokap PDRM. Ini bagi memastikan status tahap kesihatan tahanan berada dalam keadaan baik dan dapat mencegah isu kematian tahanan dalam lokap PDRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Ajis Bin Sitin minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan **Komoditi** menyatakan adakah projek Tanaman Semula Komersial (TSK) kelapa sawit yang diwujudkan khas untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli, tertakluk kepada bayaran levi di bawah P.U.(A) 457. Ini kerana beban levi akan dikenakan oleh pengusaha kepada para peserta ladang TSK mengakibatkan dividen bulanan yang diterima oleh Orang Asli menjadi semakin berkurang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Levi Keuntungan Luar Biasa (*Windfall Profit Levy* - WPL) hanya dikenakan kepada pemilik ladang yang mempunyai keluasan tanaman sawit melebihi 100 ekar atau 40.46 hektar. Kutipan WPL bagi tahun 2021 adalah dianggarkan sebanyak berjumlah RM1,376 juta. Berkuatkuasa 1 Januari 2022, WPL dikenakan pada kadar 3% bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak apabila harga minyak sawit mentah (CPO) melebihi RM3,000 satu tan di Semenanjung Malaysia dan melebihi RM3,500 satu tan di Sabah dan Sarawak.

Projek Tanaman Semula Komersial (TSK) yang bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli telah diurus dan dilaksanakan oleh RISDA *Plantation* Sdn. Bhd. Peserta-peserta Projek TSK yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli dikelompokkan di bawah Pekebun Kecil Tersusun. Untuk makluman, peserta-peserta Projek TSK adalah dikecualikan daripada membayar WPL. Sehubungan dengan itu, dividen bulanan yang diterima oleh peserta-peserta Projek TSK yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli tersebut tidak akan berkurangan disebabkan oleh WPL.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-
BAKRI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesediaan Kerajaan menaikkan jumlah gaji minimum dan langkah-langkah mengurangkan beban kos sara hidup rakyat selain dari bantuan dan insentif Kerajaan untuk jangka masa panjang berikutan kenaikan kos sara hidup yang kian meningkat tidak beriringan dengan kenaikan pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kenaikan harga pelbagai barangan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan Mac 2021, kadar inflasi sepanjang tahun 2021 dilihat melebihi kadar kebiasaan inflasi iaitu sekitar 1.6%. Inflasi terkini dicatatkan adalah 3.3% pada bulan Disember 2021. Isu peningkatan kos sara hidup dan inflasi ini memberi kesan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Sehubungan itu, bagi memastikan kadar gaji minimum baharu selari dengan kadar inflasi negara, kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira kos sara hidup dan kadar inflasi melalui indikator perubahan Indeks Harga Pengguna.

Indikator-indikator sosioekonomi lain yang digunapakai dalam formula penetapan gaji minimum termasuk Pendapatan Garis Kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan membayar gaji pekerja), pertumbuhan produktiviti buruh, dan kadar pengangguran. Kajian juga turut mengambilkira perubahan Indeks Harga Pengguna sebagai indikator penting yang mencerminkan perubahan kos sara hidup dan kadar inflasi.

Dalam mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, salah satu langkah jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan adalah melalui pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022. Kerajaan berharap, pelaksanaan gaji minimum baharu ini dan dasar-dasar berkaitan akan

NO SOALAN: 20

membantu menambah baik keadaan kewangan pekerja golongan bawahan supaya mereka boleh merancang perbelanjaan keperluan isi rumah selari dengan kenaikan harga pelbagai barangan pada masa ini.

YAB Perdana Menteri pada 19 Mac 2022 telah mengumumkan bahawa Perintah Gaji Minimum 2022 dengan kadar RM1,500.00 akan dikuatkuasakan mulai 1 Mei 2022. Pada ketika ini satu penelitian sedang dibuat berkaitan kaedah pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Lim Hui Ying minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penyaluran wang RM50 juta yang diluluskan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) / Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang diberi kepada mangsa yang dilanda banjir pada bulan Disember 2021.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan RM50 juta yang diluluskan kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) telah digunakan untuk penyaluran Bantuan Wang Ihsan (BWI) Fasa 2 kepada negeri-negeri pada 31 Disember 2021. Peruntukan BWI ini untuk disalurkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana yang terkesan dengan banjir Monsun Timur Laut 2021/2022 seperti pecahan berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH (RM)
1	Pahang	40,000,000
2	Selangor	4,000,000
3	Kelantan	1,000,000
4	Melaka	2,500,000
5	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,375,000
6	Negeri Sembilan	150,000
7	Perak	200,000
JUMLAH		49,225,000

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional untuk memberi kebenaran kepada dua lagi lesen kepada syarikat penerbangan (MYAirlines Sdn Bhd dan SKS Airways Sdn Bhd) untuk beroperasi di Malaysia memandangkan kini sektor pelancongan dan banyak syarikat penerbangan sedang berhadapan dengan masalah kekurangan penumpang. Bagaimanakah persaingannya nanti akan memberi impak positif dalam menstabilkan harga tiket ke tahap lebih mampu milik untuk pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sektor penerbangan telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan awal pada bulan September 2021. Trafik penumpang udara pada tahun 2022 diramalkan meningkat antara 170 peratus dan 346 peratus tahun ke tahun iaitu bersamaan dengan 32.6 juta hingga 49.0 juta penumpang. Ramalan ini menunjukkan pemulihan sebanyak 30 hingga 45 peratus daripada tahap trafik penumpang udara prapandemik pada tahun 2019.

2. Pemulihan trafik penumpang udara pada tahun 2022 dijangka akan dipandu oleh pemulihan trafik domestik dan ASEAN, pembukaan semula sempadan negara dan pelaksanaan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL). MAVCOM menjangkakan pemulihan untuk sektor penerbangan antrabangsa apabila lebih banyak pembukaan semula sempadan ke luar negara dan VTL dilaksanakan pada tahun 2022. Selain itu, syarikat penerbangan dijangka meningkatkan kapasiti tempat duduk secara beransur-ansur. Ini kerana permintaan perjalanan yang terpendam sekian lama dan simpanan terkumpul (*accrued savings*) akan memacu pertumbuhan trafik penumpang pada tahun 2022.

3. Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap kedudukan kewangan syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menyebabkan pemulangan banyak pesawat yang disewakan kepada penyewa. Ini akan menurunkan ketersambungan Malaysia dengan dunia luar. Dalam hubungan ini,

MAVCOM berpandangan syarikat-syarikat penerbangan seperti MYAirline dan SKS Airways dapat menyediakan laluan-laluan yang tidak disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan sediaada di samping menyokong perkhidmatan bagi laluan sediaada.

4. Pandemik ini juga telah memberi peluang kepada syarikat penerbangan baru mempunyai kos operasi yang rendah. Penerbangan MYAirline dan SKS Airways juga akan mendapat faedah daripada pemulihan permintaan pasaran dan kawalan struktur kos yang rendah. Pertambahan persaingan juga akan memberi faedah kepada pengguna dalam jangka panjang, serta penambahan pilihan penerbangan dan harga tambang yang berdaya saing.

5. Produk dan perkhidmatan penerbangan kos rendah kebarangkalian akan diutamakan oleh kerana perbelanjaan pengguna dijangka lebih rendah pasca pandemik. Tawaran perkhidmatan syarikat penerbangan tambang rendah juga akan menjadi lebih menarik kepada golongan pengguna yang *price sensitive* atau yang mementingkan perkhidmatan yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI
MUSA
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejauh manakah kerjasama dan langkah koordinasi yang dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri dalam memantau aktiviti pembalakan dan penjualan tanah hutan secara haram di Malaysia. Perkara ini penting demi menjaga dan melestarikan hutan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sentiasa bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dan memantau aktiviti pembalakan haram di Semenanjung Malaysia. Terdapat jawatankuasa sedia ada yang turut membincangkan tentang isu pembalakan dan penjualan tanah hutan secara haram iaitu Jawatankuasa Pemantauan Operasi Hutan dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Hutan Daerah yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

2. Selain itu, JPSM turut menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat persekutuan dan negeri. Antara agensi yang terlibat ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sepanjang tempoh tahun 2021, sebanyak 56 operasi penguatkuasaan bersepadu telah dijalankan oleh JPSM.

3. Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat mengenai penjualan tanah hutan secara haram, semakan oleh JPSM dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri mendapati bahawa kawasan yang diiklankan adalah bukan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Walau bagaimanapun, di negeri Kelantan dan Kedah, terdapat kawasan HSK telah dikesan dan

diteroka secara haram oleh sekumpulan sindiket dengan menanam pokok kelapa sawit, pokok buah-buahan dan pokok getah sebelum menjual tanah berkenaan pada harga rendah kepada orang ramai. Tindakan penguatkuasaan telah diambil mengikut perundangan sedia ada.

4. Di Sabah pula, Pejabat Hasil Bumi Sabah melalui Jabatan Perhutanan Sabah sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan persekutuan seperti PDRM, SPRM dan Kawalan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (*The Eastern Sabah Security Command* - ESSCOM) dari segi pertukaran maklumat risikan dan operasi penguatkuasaan. Selain itu, agensi-agensi negeri seperti Jabatan Hidupan Liar Sabah, Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah, Majlis Perbandaran Sandakan dan badan bukan kerajaan seperti *World Wide Fund for Nature* (WWF-Malaysia) turut menyertai Operasi Bersepadu Khazanah yang dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Am PDRM.

5. Operasi penguatkuasaan dan pemantauan aktiviti pembalakan haram di Sarawak diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak (KSAPB) melalui satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Pembalakan Haram. Jawatankuasa ini berperanan bagi merangka pelbagai strategi dan pelan tindakan yang dilaksanakan serta melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan persekutuan dan negeri seperti Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, Pasukan Gerakan Khas KSAPB, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia dan JPJ.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkesan dan bebas; dan
- (b) difahamkan skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) jatuh buat kali kedua berturut-turut, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memperbetulkan keadaan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, struktur yang ada pada SPRM sekarang adalah di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada. Sejak penubuhannya pada tahun 2009, SPRM telah diawasi oleh lima (5) Jawatankuasa Pemantau Bebas yang bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang. Lima badan yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah.
2. Berkaitan isu Indeks Persepsi Rasuah (CPI), CPI merupakan barometer antarabangsa yang diterbitkan oleh Transparency International (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam badan awam termasuk pegawai dan Anggota Pentadbiran bagi negara-negara di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pengukuran CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian oleh institusi-institusi antarabangsa. Indeks ini adalah untuk memberi gambaran kepada Kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara.

3. CPI Malaysia untuk tahun 2021 dikira berdasarkan 9 daripada 13 kajian yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa. Laporan tersebut menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-2 terbaik selepas Singapura di antara 9 negara ASEAN yang terlibat.
4. Antara perkara yang mempengaruhi skor dan kedudukan negara dalam CPI adalah soalan berbeza yang digunakan antara negara, responden atau kumpulan sasar serta jumlah penglibatan negara yang berbeza setiap tahun. Sebagai contoh, kajian CPI tahun 2021 tidak melibatkan negara Brunei.
5. Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan agar laporan CPI tersebut lebih adil dan dapat memberi gambaran yang sebenar. Kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI 2021 menunjukkan ketelusan dan komitmen Malaysia dalam penambahbaikan tadbir urus.
6. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Walau bagaimanapun, harus kita ingat bahawa usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan dengan terperinci berkenaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan, berdasarkan negeri-negeri yang terlibat, projek-projek dan program-program yang dilaksanakan di setiap negeri-negeri ini dan jumlah peruntukan yang diberi kepada setiap negeri yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Inisiatif Dana Jaminan Makanan (DJM) berjumlah RM1 bilion pada bulan Mac 2020 yang lalu bertujuan untuk menjamin bekalan makanan kekal terjamin dan mencukupi, menstabilkan harga produk pertanian serta meluas/memperkukuh ruang pasaran sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Pelaksanaan DJM ini merangkumi empat (4) fasa pelaksanaan/pakej utama yang telah disesuaikan dengan pelaksanaan pelan pemulihan negara iaitu;

- i. Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 - (PRIHATIN 2020) - RM190 juta;
- ii. Pakej Pelan Jana Semula Ekonomi Negara 2020 - (PENJANA 2020) – RM227.32 juta;
- iii. Pakej Pelan Jana Semula Ekonomi Negara 2021- (PENJANA 2021) – RM150 juta; dan
- iv. Pakej Inisiatif Dana Jaminan Makanan 2021 (DJM 2021) – RM309 juta.

Sehingga 31 Disember 2021, bagi pelaksanaan program-program dibawah pakej DJM tahun 2020 (berjumlah RM417.32 juta), sebanyak

RM394.7 juta bersamaan 94.6% telahpun dibelanjakan. Manakalaka bagi program-program dibawah pakej DJM tahun 2021 (berjumlah RM459 juta) pula, sebanyak RM458.51 juta bersamaan 99.88% telahpun dibelanjakan.

Oleh itu, daripada jumlah RM876.32 juta peruntukan DJM yang telah disalurkan setakat ini bagi tahun 2020 dan 2021 di bawah MAFI, sejumlah RM856.21 juta bersamaan 97.71% telah selesai dibelanjakan.

Peruntukan DJM merupakan pelengkap kepada pelbagai subsidi, insentif dan bantuan yang disediakan di bawah MAFI kepada golongan sasaran iaitu pesawah, petani, penternak, nelayan dan pengusaha pertanian.

Selain daripada itu, kesan positif daripada pelaksanaan DJM ini tidak hanya tertumpu kepada golongan ini, tetapi turut dinikmati oleh kontraktor-kontraktor kecil seluruh negara serta golongan sasaran sektor ekonomi yang lain yang banyak bergantung kepada ketersediaan bekalan makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan Kerajaan dalam merangka satu sistem pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk mereka yang bekerja dalam ekonomi gig seperti Grab Food, Food Panda, Grab Car dan sebagainya bagi memastikan mereka mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung kehidupan persaraan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan, dalam usaha menarik lebih ramai pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja ekonomi gig untuk menyimpan demi persaraan mereka, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah memperkenalkan program i-Saraan. Ia adalah program caruman sukarela sehingga RM60,000 setahun yang terbuka kepada semua golongan pekerja tidak formal dan mereka yang tiada pendapatan tetap dan berumur kurang daripada 55 tahun. Sebagai insentif, Kerajaan menyumbang 15% daripada caruman ahli, tertakluk kepada amaun maksimum RM250 setahun. Setakat 30 September 2021, seramai 356,000 ahli telah berdaftar di bawah program i-Saraan.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengambil langkah proaktif mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penyedia platform. Baru-baru ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Grab Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman bagi menggalakkan komuniti rakan pemandu dan penghantar menabung untuk simpanan persaraan. Mulai 1 September 2021, Grab Malaysia akan memberi insentif tambahan dalam bentuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada rakan pemandu dan penghantar yang mencarum di bawah i-Saraan dan mencapai syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Grab.

NO SOALAN: 26

Pada masa yang sama, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga giat membuat hebahan di media massa dan media sosial dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam mengenai program i-Saraan.

Sekian, terima kash.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Juhanis Binti Abd Aziz meminta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Tindakan Perumahan 3.0 KEMENTAH mampu menyelesaikan isu ketidakcukupan kuarters tentera serta rumah sedia ada yang rosak dan usang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha memastikan kebajikan anggota tentera terjaga khususnya dalam aspek perumahan melalui pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT).

Pihak Kementerian telah melancarkan *Blueprint* Perumahan 1.0 pada tahun 2017 dan *Blueprint* Perumahan 2.0 pada tahun 2019. Pada masa ini Kementerian Pertahanan sedang merangka dan menyediakan *Blueprint* Perumahan 3.0 yang dijangka akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Sepanjang pelaksanaan *Blueprint* Perumahan 1.0 dan 2.0 dari tahun 2017 hingga sekarang, sebanyak 2,941 unit RKMAT sedang dalam proses pembinaan dan 3,911 unit RKMAT dalam proses perolehan.

Bagi tahun 2022 sahaja, dijangka 7 projek pembinaan RKMAT akan disiapkan yang meliputi 6 negeri iaitu Kedah (RKMAT Tok Jalai), Perlis (RKMAT Kem Oran), Kelantan (RKMAT Kem Tumbi), Johor (RKMAT Segamat), Sarawak (melibatkan 2 kem iaitu RKMAT Pakit dan RKMAT Miri) dan Pahang (RKMAT Kem Bera). Setakat hari ini, RKMAT Segamat, Johor dan RKMAT Kem Oran, Perlis telah selesai dibina di mana YAB Perdana Menteri sendiri telah merasmikan pelancaran RKMAT Segamat di Kem Segamat, Johor pada 6 Mac 2022 yang lalu.

NO SOALAN: 27

Di bawah *Blueprint* Perumahan 3.0 Kementerian Pertahanan, sebanyak 12,733 unit RKMAT baru dirancang untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13 melibatkan 43 buah projek di seluruh negara. Projek-projek ini mengambil kira kem-kem yang masih belum mempunyai RKMAT dan kem-kem baru yang akan dibina nanti.

Kementerian Pertahanan juga melaksanakan senggaraan RKMAT sedia ada di seluruh Malaysia bergantung kepada peruntukan tahunan yang diterima. Dua agensi pelaksana telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan senggaraan tersebut iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP). Pada tahun 2021, Kementerian ini telah menerima peruntukan sebanyak RM93.49 juta, manakala bagi tahun 2022, sebanyak RM90.57 juta telah diterima untuk senggaraan RKMAT.

Kesimpulannya, Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha menjaga kebajikan anggota tentera sentiasa terjaga bagi memastikan mereka terus bersemangat untuk menyumbang khidmat bakti kepada negara dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi penyelesaian kes Allahyarham Adib.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Oktober 2021, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan terma rujukan dan keahlian Jawatankuasa Khas bagi memastikan siasatan yang menyeluruh dan telus serta pembelaan yang sewajarnya dapat dibuat terhadap kes kematian anggota Bomba, Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim.

Jawatankuasa Khas ini dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) dan keahlian terdiri daripada YB Menteri Dalam Negeri, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Peguam Negara.

Keahlian Jawatankuasa Khas ini turut merangkumi bekas hakim Mahkamah Rayuan, Pakar Patologi, pakar kriminologi dan wakil kementerian/jabatan/agensi. Antara agensi lain yang terlibat ialah pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sekretariat bersama untuk Jawatankuasa ini adalah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Dalam Negeri. Sekretariat bersama ini berperanan untuk menyediakan khidmat sokongan kepada Jawatankuasa. Sekretariat ini akan diterajui pegawai-pegawai dari BHEUU, KPKT dan KDN.

Satu Jawatankuasa Teknikal juga telah dibentuk bagi membantu Jawatankuasa Khas dalam mengumpul maklumat dan dokumen bagi membolehkan Jawatankuasa Khas membuat penelitian dan mengemukakan syor yang sewajarnya untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat dan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat setiap minggu sejak bulan Januari 2022. Lawatan ke lokasi insiden yang melibatkan Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim juga telah diadakan.

Jawatankuasa ini telah membentangkan laporan interim pada 15 Mac 2022. Walaupun siasatan masih berjalan, pada masa yang sama, Kerajaan juga telah membayar 'ex-gratia' berjumlah RM1.5 juta kepada keluarga arwah pada 29 November 2021 sebagai tanda keprihatinan Kerajaan kepada kebajikan keluarga arwah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY VELLU
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Sri Vell Paari A/L Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara yang kini berada hampir 63 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal stabil dan kedudukan hutang Kerajaan kembali ke tahap yang lebih terurus. Oleh itu, antara langkah untuk mengurangkan hutang negara yang semakin meningkat, Kerajaan Persekutuan perlu memastikan setiap perbelanjaan memberi impak berganda kepada ekonomi dan rakyat. Dengan pengukuhan dan pemulihan kembali ekonomi, hasil Kerajaan juga akan kembali meningkat dan ini akan memberi ruang fiskal kepada Kerajaan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan akan melaksanakan reformasi fiskal termasuk cadangan penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal dan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana bagi mengukuhkan tadbir urus, ketelusan, pengurusan kewangan awam dan disiplin fiskal untuk memacu langkah konsolidasi fiskal pasca krisis. Inisiatif ini meliputi langkah rasionalisasi dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan melalui kajian semula perbelanjaan awam (*Public Expenditure Review*) dalam mengukuhkan kedudukan kewangan dan sebagai usaha Kerajaan membina semula ruang fiskal. Rasionalisasi perbelanjaan juga termasuklah mekanisma pemberian subsidi yang lebih bersasar kepada golongan yang layak.

NO SOALAN: 29

Di samping itu, langkah konsolidasi fiskal akan turut disokong melalui Strategi Hasil Jangka Sederhana dengan mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan langkah konsolidasi fiskal disertai kutipan hasil yang lebih baik pasca-krisis dijangka akan dapat mengurangkan paras hutang dan pembayaran balik hutang secara beransur-ansur demi memastikan kemampuan fiskal dan kemampuan keberhutangan Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan prestasi dan unjuran pelaburan MARA Corporation Sdn Bhd dan bagaimana Kementerian memastikan integriti operasi anak-anak syarikat tidak terjejas selaras dengan kehendak Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan pandemik COVID-19 yang masih berterusan dan pemulihan ekonomi yang agak perlahan pada tahun 2021 turut memberi kesan kepada prestasi MARA Corporation dengan kerugian sebelum cukai (belum beraudit) berjumlah RM4.5 juta. Namun begitu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh MARA Corporation untuk meminimalkan impak pandemik COVID-19 seperti mengawal kos operasi syarikat, mengoptimumkan sumber sedia ada dan melaksanakan langkah-langkah penjimatan. Manakala bagi tahun 2022 dengan persekitaran ekonomi yang lebih positif, MARA Corporation mengunjurkan keuntungan sebelum cukai syarikat sebanyak RM10.25 juta.

Kementerian melalui MARA sentiasa memastikan kawal selia dan amalan tadbir urus korporat yang baik dilaksanakan oleh semua anak syarikat. Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh MARA terhadap anak syarikat adalah seperti berikut:

- 1) Penambahbaikan terhadap *Shareholder's Reserved Matters* bagi memastikan kepentingan MARA sebagai pemegang saham terpelihara.
- 2) Mewujudkan Piagam dan Kod Etika Ahli Lembaga Pengarah serta Had Kuasa (*Limit of Authority*);
- 3) Menubuhkan Unit Audit Dalam di peringkat syarikat;
- 4) Menubuhkan Unit Integriti dan Governans (IGU) di peringkat syarikat selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018;

NO SOALAN: 30

- 5) Mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-corruption Plan (OACP) dan menggalakkan pensijilan ISO 37001: Anti-bribery Management System (ABMS); dan
- 6) Menekankan setiap aktiviti mempunyai *Standard Operation Procedure* (SOP) termasuk menggalakkan pensijilan MARA Ecosystem Quality Standard (MQS).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI AB
GHAFFAR
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan penganggur mengikut kumpulan umur 18-30 tahun, 31-40 tahun dan 41-50 tahun. Kumpulan manakah yang paling kritikal dan apakah langkah-langkah menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur bagi kumpulan umur **15-24 tahun** pada suku tahun keempat 2021 menurun kepada 313,100 orang berbanding 330,800 orang pada suku tahun keempat 2020.

Kumpulan umur **25-34 tahun** merekodkan penurunan bilangan penganggur kepada 244,500 orang pada suku keempat 2021 berbanding 256,600 orang pada suku tahun keempat 2020

Kumpulan umur **35-44 tahun** merekodkan peningkatan bilangan penganggur kepada 80,200 orang pada suku tahun keempat 2021 berbanding 76,200 orang pada suku tahun keempat 2020.

Kumpulan umur **45-54 tahun** pula merekodkan pengurangan bilangan penganggur kepada 42,500 orang pada suku tahun keempat 2021 berbanding 52,100 orang pada suku tahun keempat 2020.

Bilangan pengangguran yang tinggi di kalangan kumpulan berumur 15 hingga 24 tahun adalah fenomena biasa yang dihadapi oleh negara membangun dan maju di dunia. Golongan ini berada di dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan juga akan melalui proses untuk mendapatkan pekerjaan. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif, skim dan program antaranya:

NO SOALAN: 31

1. Mentauliahkan seramai 1,238 penyedia latihan yang menawarkan 4,667 program latihan kemahiran melalui **Sistem Latihan Program Bertauliah** dengan kapasiti pelatih seramai 223,014 dalam satu-satu masa. Setakat 31 Januari 2022, sebanyak 1,759,762 Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia telah dianugerahkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan mereka.
2. Mentauliahkan 251 pusat latihan dan seramai 1,295 syarikat bagi melaksanakan latihan berdasarkan **Sistem Latihan Dual Nasional** dengan kapasiti pelatih seramai 65,897 dalam satu-satu masa. Sehingga 31 Januari 2022, sebanyak 187,035 Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia telah dianugerahkan kepada pelatih yang menamatkan latihan.
3. Menerusi peruntukan **Belanjawan 2022, Program JaminKerja-Insentif Penggajian** yang dijangka akan memanfaatkan 300,000 pencari kerja dari seluruh negara. Program ini merupakan satu insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am. Sehingga 4 Mac 2022 sebanyak 999 majikan melibatkan 2,757 pekerja telah memohon insentif penggajian di bawah program JaminKerja.

NO SOALAN: 31

4. Sebagai kesinambungan kejayaan Program Perantisan pada tahun 2021, JaminKerja-Insentif Penggajian akan meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif. Golongan Perantis ini perlu ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji pemula berjumlah RM1,500. Berdasarkan statistik, jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Program Perantisan JaminKerja-Insentif Penggajian setakat 4 Mac 2022 adalah seramai 163 orang.
5. Kerajaan turut meluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO** termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Pencari kerja perlu mendaftar dengan **MyFutureJobs** dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh dua bulan. **Insentif Elaun Mencari Pekerjaan akan diberikan sebanyak RM300 sebulan.** Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, **jumlah insentif sebanyak RM400** akan turut diberikan.
6. Setakat **4 Mac 2022**, seramai **127** pencari kerja **telah diluluskan permohonannya** bagi program perluasan elaun mencari pekerjaan **bagi kategori bukan pencarum.** Manakala sehingga 4 Mac 2022 pula, seramai 6,078 pencari kerja telah diluluskan permohonannya bagi program perluasan elaun mencari pekerjaan bagi kategori pencarum.

NO SOALAN: 31

7. Kerajaan turut mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja serta memastikan pengambilan pekerja dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui program-program berikut :
 - i. Program Karnival Kerjaya;
 - ii. Program Insentif Pengambilan Pekerja; dan
 - iii. Program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran melalui Penyedia Latihan yang dilantik.

8. Kerajaan melalui Sistem Insurans Pekerjaan menyediakan program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran, penulisan *resume*, latihan persediaan temuduga, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang mencari pekerjaan.

9. Penubuhan **HRD Corp Placement Centre** sejak April 2021 yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga Februari 2022, sebanyak **38,673 peluang pekerjaan tersedia** melalui platform ini di mana lebih **4,000 pekerja telah berjaya** mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60% (2,400 pekerja) adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas.

NO SOALAN: 31

10. Kerajaan juga telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF** dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan dalam mendapat pekerjaan, pekerjaan sendiri dan menambah serta meningkatkan kemahiran mereka. Setakat **4 Mac 2022**, sebanyak **85,527 pelatih** telah mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

11. Usaha pemerksaan ekosistem bakat diteruskan dengan program-program di bawah TalentCorp yang berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui melalui kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal. Antara inisiatif yang dilaksanakan:
 - a. **Platform analitis penilaian psikometrik bersepadu** yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat dengan pekerjaan masa hadapan. **Lebih 160,000 profil bakat** telah mendaftar dengan platform ini yang melibatkan 22 institusi pengajian tinggi awam dan swasta;

 - b. **Program Latihan Industri Berstruktur** bertindak sebagai penggalak kepada penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda dalam negara. Ia juga menawarkan lebih

NO SOALAN: 31

banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda. **Sejak dilaksanakan bermula tahun 2012, program ini telah memanfaatkan lebih 90,000 graduan;**

- c. ***Young Employable Students*** merupakan langkah intervensi proaktif dengan kerjasama pemain industri dan jurulatih akademik untuk meningkatkan kemahiran kerjaya graduan dalam elemen kepimpinan, kemahiran insani *soft-skills* **dengan izin**, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan. **Secara keseluruhannya, program telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 bakat graduan** di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.
- d. **Kolaborasi Industri-Akademia** merupakan jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia. Kolaborasi ini melibatkan **20 institusi pengajian tinggi** dengan lebih **50 industri** dari pelbagai sektor ekonomi.
- e. **Program Pengekalan Bakat Tajaan Kerajaan** merupakan kolaborasi TalentCorp bersama Jabatan Perkhidmatan Awam berperanan untuk memudahcara graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di sektor awam. Ini adalah untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia. Sehingga **Disember 2021, lebih 7,000 graduan JPA**

NO SOALAN: 31

telah diluluskan di bawah program ini untuk berkhidmat bersama syarikat berdaftar melibatkan lebih **3,000 majikan**.

12. Selain itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Latihan TVET berjumlah RM180juta yang dijangka memberi peluang kepada 12,000 orang pelatih untuk mengikuti latihan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.
13. Kerajaan telah meluluskan Peruntukan iaitu Dana Pembiayaan i-MAHIR sebanyak RM2 juta yang akan melatih seramai 250 orang pelatih. Program Latihan kemahiran ini akan memperluas program mikro dan modular yang menyasarkan pelbagai peringkat kemahiran yg menggalakkan latihan tenaga kerja yang memenuhi keperluan semasa.
14. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan Dana Pembiayaan PERKASA TVET 2022 sebanyak RM100 juta yang berkonsepkan "*place and train*" yang akan memanfaatkan 13,300 orang pelatih. Latihan kemahiran diberikan sama ada bagi tujuan peningkatan kemahiran dengan izin *upskilling* atau kemahiran semula dengan izin *reskilling* kepada pekerja untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja dan mencipta bakat tersedia masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sehingga sekarang tiada tanda-tanda bahawa makanan ternakan akan turun kepada harga seperti 2 tahun lepas (sebelum PKP). Apakah perancangan Kerajaan dalam menangani masalah ini demi memastikan kemampuan industri ternakan dan mengekalkan tahap sara diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga makanan ternakan merupakan fenomena global yang turut memberi kesan kepada kos pengeluaran para penternak. Sebagai contoh jagung bijian dan *soybean meal* (SBM) merupakan makanan asas kepada industri ternakan telah menunjukkan peningkatan. Pada bulan Mac 2022, harga jagung telah meningkat sebanyak 110.99% kepada RM1,920/tan, berbanding bulan RM910.00/tan pada Januari 2020. Manakala harga SBM telah meningkat sebanyak 83.45% kepada RM3,070/tan pada Mac 2022, berbanding RM1,673.50/tan pada bulan Januari 2020. Kenaikan harga import bahan mentah ini disebabkan oleh kenaikan harga pasaran dunia dan kadar tukaran matawang di luar kawalan pengimport. Faktor lain yang mempengaruhi kenaikan harga ayam adalah peningkatan kos operasi di sepanjang rantai seperti kos logistik, kos pekerja dan kadar tukaran matawang asing.

Bagi memenuhi permintaan tempatan serta meringankan beban penternak, Kerajaan melaksanakan langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(a) Jangka pendek

- (i) memberi kebenaran mengimport (*approved permit – AP*) kepada 36 buah syarikat untuk mengimport ayam sebanyak 36,030 tan metrik bagi tempoh Disember 2021

hingga Mei 2022 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan;

- (ii) memberi subsidi sebanyak RM0.60/kg bagi ayam bulat dan RM0.05/biji bagi telur gred A, B dan C bermula dari 5 Februari hingga 5 Jun 2022. Usaha ini dijangka memberi manfaat kepada 2,061 penternak ayam pedaging dan 194 penternak ayam penelur. Rakyat pula dapat menikmati harga ayam bulat lebih rendah iaitu RM8.90/kg dan harga telur antara RM0.39 hingga RM0.43 sebiji mengikut gred. Jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ialah sebanyak RM528.52 juta. Permohonan subsidi telah dibuka mulai 28 Februari sehingga 6 Jun 2022 melalui DVS Negeri. Untuk mendapatkan bantuan subsidi tersebut, penternak perlu mengemukakan permohonan melalui borang yang boleh didapati di laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Veterinar www.dvs.gov.my. Semua permohonan yang dikemukakan penternak akan dinilai di peringkat lapangan di negeri dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa di peringkat Putrajaya untuk kelulusan tuntutan. Bagi permohonan yang berjaya, tuntutan subsidi akan dikreditkan ke dalam akaun penternak melalui Agrobank dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari.

(b) Jangka panjang

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara yang berkeluasan sehingga 80,000 hektar dengan sasaran pengeluaran jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang tahun 2033;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung kelapa sawit (PKC/PKE); dan
- (iii) menawarkan pinjaman mudah sebanyak RM200 juta kepada penternak melalui Agrobank bagi membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Hajah Nuridah Binti Mohd Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha untuk meningkatkan literasi kesihatan mental dalam kalangan masyarakat dengan menerapkan modul *Psychological First Aid* (PFA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Psychological First Aid (PFA)* merupakan bantuan awal psikologi yang diberikan kepada individu yang mengalami krisis dan juga tekanan emosi ketika mengalami bencana, wabak penyakit, kemalangan dan sebagainya. Ia merupakan salah satu intervensi awal psikologi bagi individu yang mengalami stress akut atau trauma. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan PFA ke atas individu yang memerlukan bantuan awal psikologi melalui pasukan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan *psikososial (Mental Health and Psychosocial Support - MHPSS)* yang telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, hospital dan klinik kesihatan.
2. KKM menyambut baik cadangan bagi meningkatkan literasi kesihatan mental melalui penerapan modul latihan PFA dalam kalangan masyarakat. Pada 16 hingga 18 November 2021, latihan PFA telah dilaksanakan melibatkan seramai 354 orang anggota kesihatan pelbagai kategori di peringkat kebangsaan dan negeri, bagi meningkatkan kemahiran mereka di dalam mengendalikan emosi semasa krisis. Latihan Bantuan Awal Psikologi (PFA) ini juga telah dilaksanakan melalui pendekatan bersama Pertubuhan NGO dan aktivis yang bergiat aktif dalam advokasi kesihatan mental.

3. Seramai 60 sukarelawan daripada *National Coalition For Mental Well Being* telah diberi latihan *Training of Trainers* PFA di mana mereka dilatih untuk mengenalpasti awal dan memberi bantuan sokongan psikososial serta membantu ahli masyarakat yang memerlukan untuk mendapatkan bantuan kepada permasalahan kesihatan mental yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada masa ini, strategi KKM bagi mempertingkatkan literasi masyarakat tentang isu-isu kesihatan mental adalah melalui **Kempen *Let's TALK Minda Sihat***. Kempen *Let's TALK Minda Sihat* ini merupakan satu kempen hasil kolaborasi pintar (*smart partnership*) bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan NGO dalam usaha mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental secara meluas dalam kalangan masyarakat. Melalui kempen ini, diharapkan agar masyarakat lebih prihatin terhadap mereka yang mengalami masalah kesihatan mental serta menggalakkan mereka yang bermasalah ini untuk tampil mendapatkan bantuan secara profesional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain berharap tindakan penempatan semula pelarian oleh pertubuhan antarabangsa, adakah Kerajaan melalui perspektif kemanusiaan mempunyai perancangan untuk mengkaji dan meneliti status kumpulan pelarian yang tinggal di negara kita berpuluh tahun lamanya sehingga ada yang lahir di Malaysia dan mempunyai kefahaman sistem negara, petah berbahasa Melayu, hormat kebudayaan kita serta turut membantu ekonomi negara.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang kita sedia maklum, Malaysia bukan merupakan Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Dalam kalangan negara ASEAN, hanya Filipina dan Kemboja merupakan Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, Kerajaan tidak mempunyai sebarang obligasi untuk memberikan hak-hak kepada pelarian berdasarkan peruntukan di dalam Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 tersebut.
2. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, pelarian yang mempunyai kad UNHCR yang sah dibenarkan untuk tinggal secara sementara sehinggalah mereka ini pulang secara sukarela atau dipindahkan ke negara ketiga. Sebarang kemudahan, sokongan dan kebenaran untuk golongan ini tinggal secara sementara di dalam negara adalah berdasarkan kepada undang-undang, peraturan dan dasar yang berkuatkuasa.
3. Kehadiran pelarian ini sepatutnya bersifat sementara seperti pelarian perang Vietnam dan Bosnia namun kini pelarian telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi akhir khususnya etnik Rohingya, Myanmar. Keberadaan pelarian ini di dalam negara adalah

berdasarkan kepada perlindungan antarabangsa yang diberikan oleh pihak UNHCR dan Kerajaan sentiasa menggesa UNHCR mempercepatkan penempatan ke negara ketiga atau pulang ke negara asal pelarian. Dalam masa yang sama, agensi kerajaan akan terlibat dalam proses penentuan status pelarian yang dilaksanakan oleh pihak UNHCR bagi memastikan hanya warga asing yang memenuhi kriteria pelarian di bawah Konvensyen 1951 layak diberikan perlindungan antarabangsa.

4. Pelarian yang memegang Kad UNHCR yang sah juga tertakluk kepada undang-undang negara. Pada masa ini, pelarian yang mempunyai kad UNHCR mendapat akses kepada kemudahan kesihatan di klinik / hospital kerajaan, akses pendidikan di sekolah / IPT swasta, bekerja sendiri dan sebagainya. Kerajaan juga sedang mengkaji dasar mengenai kebenaran bekerja kepada pelarian bagi mengelak perkara ini menjadi faktor penarik kepada kemasukan lebih ramai warga asing atas alasan sebagai pelarian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi** menyatakan apakah situasi terkini tentang serangan kempen antisawit terhadap Malaysia dan bagaimanakah peranan masyarakat untuk bersama menyemarakkan kempen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen anti-minyak sawit oleh negara-negara barat masih berterusan dan negara yang menentang minyak sawit akan terus mencari alasan dan pelbagai isu untuk memburuk-burukkan minyak sawit. Minyak sawit sering ditohmah dan didakwa tidak mampan iaitu apabila dikaitkan sebagai punca utama kepada penyahhutan, kehilangan biodiversiti dan pelepasan gas rumah hijau (*green house gas emission*). Selain itu, industri sawit juga turut dikaitkan dengan isu kebajikan sosial pekerja-pekerja dan isu kesihatan. Kempen anti minyak sawit ini diterjemahkan dalam pelbagai bentuk pendekatan termasuklah dalam bentuk dasar dan perundangan secara tidak langsung yang dilihat akan menyekat penggunaan produk sawit di EU.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) memandang serius kempen anti minyak sawit di negara barat dan telah mengatur strategi bagi mengukuhkan penerimaan dan persepsi negara berkenaan seperti:

A. Inisiatif menangani kempen anti minyak sawit di luar negara

- i. Kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) giat menganjurkan program-program latihan teknikal seperti Program Suai Kenal Minyak Sawit (POFP) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri serta sokongan Pejabat-Pejabat Serantau MPOB di luar negara. Peserta program

POFP telah diberi kepada keseluruhan spektrum industri minyak sawit di Malaysia termasuklah pembangunan dan kemajuan semasa bagi komponen utama industri sawit. Melalui pendedahan tersebut, ianya telah melahirkan duta minyak sawit di luar negara di kalangan masyarakat awam untuk menyebarkan kebaikan minyak sawit di negara masing-masing.

B. Pengukuhan Kemampanan Industri Sawit Malaysia

- i. Malaysia telah melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori bermula dari 1 Januari 2020 sebagai langkah menjenamakan minyak sawit Malaysia yang mampan dan berkualiti serta mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, pensijilan MSPO telah diiktiraf oleh Negara Jepun bagi kegunaan Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020. Kerjasama dengan Kerajaan China untuk mengiktiraf skim pensijilan MSPO juga sedang dijalankan.

- ii. KPPK juga meneruskan program sokongan kemampanan di bawah Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia atau *Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation* (MPOGCF). MPOGCF ditubuhkan di bawah Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan telah beroperasi sejak April 2021. Yayasan ini ditubuhkan bagi menyokong usaha pemuliharaan hijau negara dan sebagai respon terhadap isu-isu dan tomanan kepada industri sawit negara. Antara program-program yang dilaksanakan di bawah MPOGCF termasuklah projek

penanaman satu juta pokok jenis hutan di hutan simpan kekal di Sabah, konservasi hidupan liar seperti orang utan, gajah dan harimau.

C. Program Kerjasama Malaysia – EU

- i. Pada masa ini, Malaysia terlibat dengan program/projek kerjasama dengan pihak EU dalam melaksanakan program berkaitan kemampanan sawit iaitu:
 - Projek Keberlanjutan sAwit Malaysia dan Indonesia (KAMI) Malaysia; dan
 - Program *The National Initiatives For Sustainable and Climate Smart Oil Palm Smallholders* (NI-SCOPS) dengan Negara Belanda.

D. Kerjasama di bawah Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC)

- i. Malaysia pada masa ini turut bekerjasama dengan Indonesia di bawah Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dalam menentang kempen anti minyak sawit di peringkat global. Kerjasama ini menjadi simbolik kepada solidariti negara-negara pengeluar sawit. Pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan oleh CPOPC dalam menangani isu anti minyak sawit antaranya:

- Misi bersama ke Eropah di bawah CPOPC yang disertai oleh Malaysia dan Indonesia bagi mengadakan perbincangan dan konsultasi bersama pihak EU mengenai isu sawit di Eropah;
- Surat bantahan secara bersama kepada negara yang mendiskriminasi minyak sawit contohnya EU; dan
- pelaksanaan Program Advokasi di Kesatuan Eropah (EU), Strategi Komunikasi dan Promosi di China, Pakistan, India dan Bangladesh serta Kempen Sosial Media di negara anggota CPOPC.

Dari segi peranan masyarakat Malaysia, Kementerian ini melalui Majlis Minyak Malaysia (MPOC) telah melaksanakan pelbagai kempen kesedaran di peringkat kebangsaan. Antaranya termasuklah edaran buku dan brosur untuk meningkatkan kesedaran tentang kebaikan minyak sawit Malaysia serta menerangkan berkenaan kelestarian tanaman sawit. Disamping itu, MPOC juga mempromosi khasiat dan kebaikan minyak sawit melalui media sosial dalam platform Facebook, Instagram, LinkedIn dan Twitter. Aktiviti-aktiviti berkenaan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kebaikan minyak sawit Malaysia.

Dengan strategi komprehensif yang merangkumi kaedah ofensif, defensif dan kerjasama dengan pelbagai pihak, Kerajaan berharap imej minyak sawit Malaysia akan kekal positif dan terus menyumbang kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pencerobohan kapal pengawal pantai China yang menceroboh perairan negara berhampiran negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendirian Malaysia berhubung Laut China Selatan adalah jelas. Secara ringkasnya, pendirian ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pertamanya, semua pihak perlu memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and overflight*.
- ii. Keduanya, semua pihak perlu mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, atau dengan izin, mengamalkan *self-restraint*, dan mengelakkan tindakan berkaitan ketenteraan, atau dengan izin, *militarisation*.

3. Pendirian negara ini juga disuarakan dengan konsisten di platform-platform serantau dan antarabangsa. Kerajaan telah mengambil pendekatan diplomatik dengan negara-negara yang berkaitan, di mana Malaysia menegaskan bahawa Laut China Selatan mesti kekal menjadi laluan perdagangan dan perairan yang aman.

Pemantauan Berterusan

4. Kerajaan komited dalam memastikan keamanan dan kedaulatan di perairan negara kekal terpelihara. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri, bersama-sama dengan agensi-agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), sentiasa komited dan memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan 24/7, untuk memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

5. Kementerian Luar Negeri maklum akan kehadiran kapal-kapal kerajaan negara-negara asing di Laut China Selatan, di mana kapal-kapal tersebut sedang menjalankan operasi, dengan izin, *freedom of navigation*, yang merupakan amalan biasa oleh kapal tentera laut di peringkat antarabangsa.

6. Namun, bagi isu pencerobohan kapal-kapal pengawal pantai China ke dalam perairan negara, Kerajaan secara konsisten telah mengemukakan Nota Bantahan Diplomatik kepada kerajaan negara-negara yang mana kapal asing milik Kerajaan negara tersebut yang didapati tidak mematuhi peruntukan bagi kebebasan pelayaran di dalam perairan negara.

7. Selain itu, pada 4 Oktober 2021, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Republik Rakyat China untuk menyatakan pendirian dan bantahan terhadap keberadaan dan aktiviti kapal-kapal China termasuk kapal penyelidikan, di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia terutama di luar pesisir Sabah dan Sarawak memandangkan keberadaan dan aktiviti tersebut adalah bertentangan dengan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan KUUL 1982.

8. Tindakan ini diambil selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kedaulatan dalam perairan negara. Tindakan ini juga adalah sebagai langkah Malaysia yang tidak pernah mengiktiraf tuntutan negara-negara penuntut Laut China Selatan, termasuk China, apabila tuntutan tersebut melibatkan dan bertindih dengan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN A/L EHTOOK
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Aknan a/l Ehtook minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengembalikan butiran keturunan 'Siam' seperti yang asal bagi masyarakat Siam yang telah ditukar kepada 'Thai' atau 'Thailand' tanpa pengetahuan individu tersebut serta tindakan oleh Kementerian dalam memastikan maklumat di Sijil Kelahiran adalah sama maklumat di Kad Pengenalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dasar dan prosedur semasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam menentu dan merekodkan butiran keturunan seseorang individu dalam Sijil Kelahiran adalah berdasarkan kepada keturunan dan taraf perkahwinan ibu bapa mereka. Bagi warga asing pula, perekodan butiran keturunan adalah berdasarkan negara asal. Justeru, penentuan keturunan seseorang individu adalah tertakluk kepada geneologi dan keturunan ibu atau bapanya sahaja.

Dalam hal ini, terdapat perbezaan antara individu yang berketurunan Siam dan Thailand. Sijil kelahiran seseorang individu hanya akan merekodkan sebagai keturunan Siam sekiranya ibu bapa mereka adalah berketurunan Siam yang telah dilahirkan di Malaysia serta bertaraf warganegara. Bagi ibu bapa individu yang memegang Pasport dari negara Thailand, keturunan pada sijil kelahiran akan direkodkan berdasarkan negara asal mereka iaitu Thailand.

Sementara itu, **butir-butir maklumat individu yang didaftarkan pada kad pengenalan adalah berdasarkan kepada maklumat pada sijil kelahiran** selaras dengan Peraturan 4 (cc) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990. Selain itu, semasa permohonan kad pengenalan dibuat, penganjur permohonan akan diminta untuk menyemak dan menurunkan tandatangan bagi mengesahkan maklumat-maklumat pada borang sebelum ianya diproses.

NO SOALAN: 37

Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, perkara ini sedang diteliti oleh pihak JPN bagi membantu mereka yang terlibat.

Dalam pada itu, sekiranya terdapat mana-mana individu yang mendapati terdapat maklumat yang tidak betul pada kad pengenalannya, bolehlah hadir ke pejabat JPN yang terdekat bersama dokumen pembuktian untuk memohon pindaan maklumat selaras dengan Peraturan 14 PPN1990.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Wira Othman bin Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini semakan semula aspek perundangan berkaitan isu Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang dibuat oleh pasukan petugas khas yang diketuai oleh mantan Peguam Negara serta sejauh manakah tuntutan ini akan berjaya.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Oktober 2021, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan terma rujukan, keahlian dan perkara lain yang berhubung dengan pewujudan Pasukan Petugas Khas bagi menyemak semula tindakan serta isu perundangan berkenaan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan serta mengesyorkan opsiyen terbaik mengenai hala tuju Kerajaan berhubung kes berkenaan.

Pasukan Petugas Khas ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamed Apandi Ali, mantan Peguam Negara dan keahlian adalah terdiri daripada peguam-peguam tempatan yang mengendalikan kes ini pada tahun 2016 hingga 2017, pengamal undang-undang, mantan dan pegawai kanan Kerajaan serta wakil Kementerian/Jabatan yang berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri Johor. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, dan Kementerian Luar Negeri bertindak sebagai urus setia untuk Pasukan Petugas Khas ini.

Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan turut mengadakan sesi perbincangan dan khidmat nasihat bersama pakar perundangan maritim antarabangsa bagi mengkaji dan menganalisa dokumentasi serta material berkaitan perkara ini. Pasukan Petugas Khas dijangka akan membentangkan laporan interim kepada Jawatankuasa Pemantauan pada penghujung bulan Mac 2022 berdasarkan dapatan dan analisa yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan penjelasan sebentar tadi, Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan masih sedang melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pada masa ini, masih terlalu awal untuk memperkatakan tentang tuntutan ini. Kerajaan akan memutuskan tindakan selanjutnya selepas Pasukan Petugas Khas selesai membentangkan syor mereka kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian bagi meningkatkan taraf hidup para nelayan dan petani di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taraf hidup golongan petani dan nelayan sentiasa diberi perhatian bagi memastikan kemampuan sektor agromakanan. Dalam usaha itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memelihara kebajikan para nelayan dan petani bagi meningkatkan taraf hidup golongan ini di Malaysia seperti:

i. Pemberian insentif-insentif pertanian

Pemberian insentif meliputi input pertanian seperti benih, baja dan racun, pembangunan kawasan, pembinaan pusat pengumpulan dan pemprosesan, stor serta insentif hasil di bawah projek dan program. Kadar insentif kerajaan yang diperuntukkan sebanyak RM10,000/ha sehingga maksimum RM50,000/ha.

ii. Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI)

Bayaran 10 sen/kg bagi pemilik vesel zon A, B dan C yang mendaratkan ikan di jeti, pelabuhan dan kompleks LKIM.

iii. Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)

Merupakan bantuan untuk membaikpulih rumah dan membina rumah baharu. Projek ini juga akan membangunkan penempatan semula nelayan untuk kesejahteraan serta kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

Tiga (3) komponen utama Projek Khas Perumahan Nelayan adalah seperti berikut:

- a) Baik Pulih Rumah Nelayan;
- b) Bina Baharu Rumah Nelayan; dan
- c) Penempatan Semula Rumah Nelayan (PSN).

iv. Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) memberi manfaat perlindungan lebih komprehensif dan ianya pendekatan baharu dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan nelayan.

v. Tabung Bantuan Bencana

Tabung ini bertujuan membantu golongan sasaran yang terlibat dengan kejadian bencana alam, penyakit dan lain-lain kejadian bencana yang akan diperaku dan diisytiharkan Jabatan Teknikal seperti Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) dan Tabung Bantuan Bencana Alam Nelayan.

vi. Skim-skim di bawah Tabung Pembangunan dan Dana Pinjaman

Tabung ini menawarkan pembiayaan dan pinjaman kepada ahli-ahli seperti Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP), Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani (TPUK) dan Skim-skim di bawah Pinjaman Dana Nelayan.

vii. Pelaksanaan projek-projek ekonomi

Merangkumi sub-sektor tanaman, ternakan, perikanan, pemprosesan produk dan perniagaan tani bagi kumpulan sasaran yang berpendapatan rendah dengan kadar bantuan maksimum sebanyak RM10,000.00 seperti Program Rezeki Tani.

viii. Bantuan geran dan modal

Seperti Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000.00 bagi setiap projek dan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000.00 bagi projek pengembangan.

Kementerian juga dalam usaha untuk membangunkan Skim Perlindungan Takaful Agromakanan yang bertujuan untuk membolehkan aktiviti pertanian diteruskan apabila dilanda bencana bagi memastikan impak yang minimum terhadap bekalan makanan dan secara tidak langsung, sebagai bantuan bagi meringankan kesukaran yang dihadapi. Skim ini masih dalam penelitian MAFI bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak industri bagi memastikan model yang sesuai boleh dibangunkan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Datuk Ras Adiba Binti Mohd Radzi minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang diperuntukkan untuk guru-guru OKU menerusi pengambilan 18,000 guru-guru secara "*one-off*" baru-baru ini serta apakah tindakan Kementerian dalam memenuhi KPI 1 peratus peluang pekerjaan untuk OKU dalam sektor pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Pengambilan Khas seramai 18,702 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off* pada 20 Jun 2021 bagi mengisi kekosongan guru di sekolah bawah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

Dari segi kriteria pemilihan, keutamaan diberikan kepada graduan yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan daripada universiti awam, universiti swasta dan universiti luar negara, termasuk graduan dari golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang memohon untuk dilantik secara tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyokong Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU bagi mempergiatkan penyertaan golongan OKU dalam sektor perkhidmatan awam.

KPM dan SPP sentiasa berusaha untuk memastikan golongan OKU diberi pertimbangan dalam urusan pengambilan guru dengan mengambil kira skop tugas yang bersesuaian dan kemudahan mesra OKU yang disediakan di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha merancang untuk mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID-19., Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif, skim dan program antaranya:

1. Menerusi peruntukan **Belanjawan 2022, Program JaminKerja-Insentif Penggajian** yang dijangka akan memanfaatkan 300,000 pencari kerja dari seluruh negara. Program ini merupakan satu insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am. Sehingga 4 Mac 2022 sebanyak 999 majikan melibatkan 2,757 pekerja telah memohon insentif penggajian di bawah program JaminKerja.
2. Sebagai kesinambungan kejayaan Program Perantisan pada tahun 2021, JaminKerja-Insentif Penggajian akan meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif. Golongan Perantis ini perlu ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji pemula berjumlah RM1,500. Berdasarkan statistik, jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Program Perantisan JaminKerja-Insentif Penggajian setakat 4 Mac 2022 adalah seramai 163 orang.

3. Kerajaan turut meluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO** termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Pencari kerja perlu mendaftar dengan **MyFutureJobs** dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh dua bulan. **Insentif Elaun Mencari Pekerjaan akan diberikan sebanyak RM300 sebulan.** Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, **jumlah insentif sebanyak RM400** akan turut diberikan.
4. Setakat **4 Mac 2022**, seramai **127** pencari kerja **telah diluluskan permohonannya** bagi program perluasan elaun mencari pekerjaan **bagi kategori bukan pencarum.** Manakala sehingga 4 Mac 2022 pula, seramai 6,078 pencari kerja telah diluluskan permohonannya bagi program perluasan elaun mencari pekerjaan bagi kategori pencarum.
5. Kerajaan telah **memperuntukan** sebanyak **RM600** juta bagi melaksana dan **melanjutkan Program Sistem Insuran Pekerjaan Subsidi Upah Bersasar (PSU5.0)** bagi membantu majikan yang terkesan meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Program ini adalah bersasar untuk **sektor pelancongan** yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19.
6. Penubuhan **HRD Corp Placement Centre** sejak April 2021 yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga Februari 2022, sebanyak **38,673 peluang pekerjaan tersedia** melalui

platform ini di mana lebih **4,000 pekerja telah berjaya** mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60% (2,400 pekerja) adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas.

7. Kerajaan juga telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF** dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan dalam mendapat pekerjaan, pekerjaan sendiri dan menambah serta meningkatkan kemahiran mereka. Setakat **4 Mac 2022**, sebanyak **85,527 pelatih** telah mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.
8. Usaha pemerksaan ekosistem bakat diteruskan dengan program-program di bawah TalentCorp yang berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui melalui kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/swasta serta teknikal.
9. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah **Platform analitis penilaian psikometrik bersepadu, Program Latihan Industri Berstruktur, Young Employable Students, Kolaborasi Industri-Akademia, Program Pengekalan Bakat Tajaan Kerajaan, Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan**.

10. Selain itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Latihan TVET berjumlah RM180juta yang dijangka memberi peluang kepada 12,000 orang pelatih untuk mengikuti latihan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

11. Kerajaan telah meluluskan Peruntukan iaitu Dana Pembiayaan i-MAHIR sebanyak RM2 juta yang akan melatih seramai 250 orang pelatih. Program Latihan kemahiran ini akan memperluas program mikro dan modular yang menyasarkan pelbagai peringkat kemahiran yg menggalakkan latihan tenaga kerja yang memenuhi keperluan semasa.

12. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan Dana Pembiayaan PERKASA TVET 2022 sebanyak RM100 juta yang berkonsepkan "*place and train*" yang akan memanfaatkan 13,300 orang pelatih. Latihan kemahiran diberikan sama ada bagi tujuan peningkatan kemahiran dengan izin *upskilling* atau kemahiran semula dengan izin *reskilling* kepada pekerja untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja dan mencipta bakat tersedia masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pelan pembangunan Melaka *Waterfront Economic Zone* dan *Forest City* di Johor telah dimasukkan atau diluluskan dalam Rancangan Struktur Negeri Melaka dan Johor sebelum pelaksanaan kedua-dua projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status bagi Projek *Melaka Waterfront Economic Zone* dan Projek *Forest City* dalam rancangan struktur adalah seperti berikut:

(i) *Melaka Waterfront Economic Zone*

Pembangunan *Melaka Waterfront Economic Zone* terletak di dalam Kawasan Pembangunan Tambak Laut di bawah Pelan Strategik Pembangunan Spatial 2035 yang didokumenkan bersama Rancangan Struktur Negeri Melaka 2035 (RSNM 2035). RSNM 2035 telah diwartakan pada 16 Ogos 2018 melalui Warta Kerajaan Negeri Melaka : No 374.

Pembangunan *Melaka Waterfront Economic Zone* adalah selaras dengan Teras 3 - Melaka Sejahtera & Inklusif, di bawah Halatuju Strategik (HS) 3 - Kawasan Petempatan Desa dan Koridor Membangun Seimbang, yang menyatakan aktiviti pemajuan perlu diiringi dengan perancangan yang mampan bagi memastikan sumber alam semula jadi terpelihara dan dimanfaatkan sebaiknya.

Selain itu, pembangunan sepanjang koridor pesisiran pantai juga perlu dibangunkan dengan mampan selaras dengan Teras 2: Melaka Negeri Bandar Berteknologi Hijau di bawah HS 7 - Pertumbuhan

NO SOALAN: 42

Perbandaran Baru Berasaskan Konsep *Transit Oriented Development* (TOD), *Compact City* dan *Smart Growth* yang menyatakan kepentingan kawasan tambak laut. Tebus guna hanya dibenarkan di kawasan yang telah dikenal pasti berasaskan Kajian Kemungkinan Kawasan Tambakan Laut, mengguna pakai Pelan Induk Tambak Laut sebagai asas panduan perancangan pembangunan serta mengintegrasikan pembangunan kemudahan yang menyokong Melaka sebagai destinasi pelancongan.

(ii) **Forest City**

Cadangan Pelan Induk Pembangunan *Forest City* telah diangkat bagi persetujuan Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 04/2014 pada 4 Ogos 2014. Jawatankuasa telah bersetuju pada dasarnya terhadap Cadangan Pelan Induk Pembangunan *Forest City* yang terletak di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim dengan syarat-syarat yang telah diberikan.

Cadangan pembangunan ini juga telah diselaraskan dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Penggantian) melalui Blok Perancangan Kecil (BPK) 9.1 – Golf dan *Resort Forest City* dan BPK 10.1 – *Forest City* yang telah diwartakan pada 18 Januari 2018. Cadangan ini juga telah diselaras dan diambil kira dalam Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 yang telah diwartakan pada 26 Mac 2020 melalui No Warta J.P.U 12 Jil.64 No.7.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan jangka masa panjang pihak Kementerian bagi mengelakkan krisis bekalan makanan asas seperti ayam, telur dan sebagainya dapat dikawal dan diselesaikan secara holistik terutama di negeri-negeri pantai timur seperti Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga makanan ternakan merupakan fenomena global yang turut memberi kesan kepada kos pengeluaran para penternak. Sebagai contoh jagung bijian dan *soybean meal* (SBM) merupakan makanan asas kepada industri ternakan telah menunjukkan peningkatan. Pada bulan Mac 2022, harga jagung telah meningkat sebanyak 110.99% kepada RM1,920/tan, berbanding bulan RM910.00/tan pada Januari 2020. Manakala harga SBM telah meningkat sebanyak 83.45% kepada RM3,070/tan pada Mac 2022, berbanding RM1,673.50/tan pada bulan Januari 2020. Kenaikan harga import bahan mentah ini disebabkan oleh kenaikan harga pasaran dunia dan kadar tukaran matawang di luar kawalan pengimport. Faktor lain yang mempengaruhi kenaikan harga ayam adalah peningkatan kos operasi di sepanjang rantai seperti kos logistik, kos pekerja dan kadar tukaran matawang asing.

Bagi mengelakkan krisis bekalan makanan asas seperti ayam dan telur di seluruh negara termasuk negeri Terengganu, Kerajaan melaksanakan langkah jangka panjang seperti berikut:

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara yang berkeluasan sehingga 80,000 hektar dengan sasaran pengeluaran jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang tahun 2033;

NO SOALAN: 43

- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung kelapa sawit (PKC/PKE);
- (iii) menawarkan pinjaman mudah sebanyak RM200 juta kepada penternak melalui Agrobank bagi membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran;
- (iv) menyediakan kawasan untuk pengeluaran pastura kepada penternak-penternak ruminan di rizab padang ragut, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR); dan
- (v) memberikan konsultasi dan latihan secara berterusan kepada para penternak menerusi Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC), Pusat Pengumpulan Industri Tenusu (PPIT) dan Pejabat Veterinar Daerah (PVD) khususnya dalam aspek penanaman rumput dan penghasilan makanan ternakan menggunakan sumber-sumber tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin minta **MENTERI SUMBER
MANUSIA** menyatakan mengapakah wujudnya kekangan bagi
pengambilan tenaga asing dan pembantu rumah Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama pengambilan dan penggajian pekerja asing sektor formal dan pembantu rumah dalam sektor informal warga Republik Indonesia untuk tujuan bekerja di Malaysia dilaksanakan melalui Memorandum Persefahaman. Malaysia dan Indonesia telah memeterai dua Memorandum Persefahaman bagi pengambilan pekerja sektor formal dan pembantu rumah, iaitu:

- i. *Memorandum of Understanding on Recruitment of Indonesian Workers Between the Government of Malaysia and Government of the Republic of Indonesia 2004 (MoU 2004)* (masih berkuatkuasa);
dan
- ii. *Protocol Amending the Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and Government of the Republic of Indonesia on the Recruitment and Placement of Indonesian Domestic Worker 2006, 2011* (Protokol Meminda MoU 2006, 2011) (telah luput pada 30 Mei 2016)

Kerajaan Republik Indonesia pada tahun lepas telah memaklumkan tentang pembekuan penghantaran pekerja sektor formal ke Malaysia untuk sementara waktu bagi membolehkan Memorandum Persefahaman bagi pengambilan dan penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia yang telah tamat pada 30 Mei 2016 dimuktamadkan terlebih dahulu.

Rundingan bagi memuktamadkan Memorandum Persefahaman baharu bagi pengambilan dan penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia pernah diadakan antara kedua-dua negara pada November 2017 dan November 2018. Walau bagaimana pun, kedua-dua pihak telah tidak mencapai kata sepakat untuk memuktamadkan Memorandum Persefahaman baharu berkenaan. Beberapa isu dasar yang menjadi kekangan bagi memuktamadkan Memorandum Persefahaman baharu ini adalah seperti berikut:

- (i) Mekanisme pengambilan melalui *One Channel System*,
- (ii) *One Maid One Task*; dan
- (iii) Gaji permulaan pembantu rumah.

Perundingan Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia berhubung pengambilan dan penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia dan disertai oleh Kementerian Dalam Negeri telah berjalan lancar dan mencapai kata sepakat yang sewajarnya.

Memorandum Persefahaman Pekhidmat Domestik Indonesia telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia semasa Mesyuarat *Technical Working Group* pada 8 hingga 11 Mac 2022 di Jakarta. Memorandum Persefahaman Pekhidmat Domestik Indonesia dijadualkan dimeterai di Jakarta pada 1 April 2022.

Dijangka setelah pemeteraian Memorandum Persefahaman Pekhidmat Domestik Indonesia, Kerajaan Republik Indonesia akan menarik balik pembekuan pekerja asing bagi sektor formal ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO` ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato` Arman Azha bin Abu Hanifah minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah persediaan Kerajaan untuk memastikan Malaysia mendapat manfaat besar ekonomi hasil daripada pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang akan berkuatkuasa pada 18 Mac 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) adalah kesinambungan kepada Komuniti Ekonomi ASEAN dan berasaskan kepada penambahbaikan terhadap perjanjian perdagangan bebas ASEAN campur satu atau dengan izin, *ASEAN plus one FTA* sedia ada iaitu ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Australia-New Zealand, ASEAN-Korea dan ASEAN-Jepun. Malaysia telah membuka pasarannya menerusi perjanjian-perjanjian ini kepada semua negara anggota RCEP dan pada masa yang sama, telah mendapat akses pasaran daripada negara-negara tersebut. Justeru, RCEP merupakan satu usaha untuk menggabung serta menyeragam semua perjanjian sedia ada tersebut kepada satu perjanjian tunggal yang lebih komprehensif dan terkini untuk lebih memudah cara perdagangan dan pelaburan di rantau ini.

MITI telah mengadakan siri pembentangan dan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan merangkumi persatuan-persatuan industri dan dewan-dewan perniagaan tempatan serta antarabangsa untuk memanfaatkan penyertaan negara dalam RCEP. Secara umumnya, pihak industri dapat memperoleh manfaat RCEP melalui dua (2) pendekatan utama iaitu pengurangan atau penghapusan tarif bagi produk yang dieksport ke pasaran RCEP serta pengurangan halangan-halangan bukan tarif atau dengan izin, *non-tariff barriers* melalui pemudahcara pematuhan piawaian industri dan peraturan teknikal di pasaran eksport tersebut. Sesi pembentangan serta libat urus yang diadakan bertujuan memberikan pemahaman pemakaian peraturan-

peraturan tempasal (*rules of origin*) bagi permohonan sijil tempasal (*certificate of origin*) yang diperlukan untuk melayakkan syarikat pengeksport menikmati pengurangan atau penghapusan duti import di negara pengimport serta garis panduan pematuhan piawaian industri di pasaran RCEP. Sesi libat urus tersebut adalah penting agar para pengusaha dapat memahami dengan jelas peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam RCEP bagi meraih manfaat yang optimum.

Dalam memastikan industri tempatan dapat bersaing di persada antarabangsa serta memperluaskan pasaran di negara-negara RCEP, Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif fiskal seperti *Smart Automation Grant* dan *Industry4wrld Intervention Fund* bagi mempertingkatkan produktiviti serta daya saing syarikat-syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK
INSOL
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR** menyatakan apa rancangan untuk membersihkan
sungai-sungai utama di Malaysia termasuk mencantikkan tebingan
sungai yang berada di tengah-tengah pekan atau bandar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program-program membaikpulih sungai atau membersihkan sungai-sungai di Malaysia memainkan peranan yang penting sebagai langkah-langkah proaktif dalam menangani masalah pencemaran sungai yang merangkumi pendekatan struktur dan bukan struktur. Pendekatan secara struktur merupakan pelaksanaan projek-projek fizikal seperti pembinaan stesen hidrologi, rumah pam, empangan, infrastruktur sabo dan sebagainya.
2. Di bawah pendekatan struktur, dalam RMKe-12 bagi Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir, KASA menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM 390 juta sebagai langkah mitigasi jangka pendek dan sederhana untuk mengurangkan risiko banjir yang melibatkan 17 projek di seluruh negara.
3. Manakala pendekatan secara bukan struktur pula, KASA melalui JPS telah melaksanakan penyelesaian masalah pencemaran sungai menggunakan konsep *Nature Based Solution* melalui pembinaan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang digunakan sebagai platform penglibatan masyarakat dalam aktiviti perlindungan, pembersihan dan pemuliharaan sungai. Melalui konsep ini, rizab-rizab sungai akan dapat dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti yang secara tidak langsung akan dapat melindungi rizab sungai dari terus diceroboh. Untuk makluman YB, KASA telah mensasarkan pembinaan Denai

NO SOALAN: 46

sungai Kebangsaan (DSK) sepanjang 1,000km pada tahun 2023, 5,000km pada tahun 2025 dan 10,000km pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Haji Ahmad Bin Yahaya minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memfokuskan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bagi pembelian rumah di bawah harga RM300 ribu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign; HOC*) pengecualian duti setem diberikan kepada pembeli untuk pembelian rumah kediaman yang berharga antara RM300,000 hingga RM2.5 juta, terhad kepada RM1 juta pertama daripada harga kediaman tersebut. Pemberian diskaun sebanyak 10% turut disediakan oleh pemaju yang menyertai kempen ini iaitu yang berdaftar melalui Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHAREDADA) dan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDADA).

Kempen ini yang bermula sejak Januari 2019 telah tamat pada 31 Disember 2021. Sehingga kini, kempen ini telah memberi manfaat kepada seramai 101,347 orang pembeli dengan nilai jualan sebelum diskaun berjumlah RM78.7 bilion, nilai jualan selepas diskaun berjumlah RM65.3 bilion serta melibatkan diskaun jualan sebanyak RM13.4 bilion. Pelaksanaan HOC didapati telah banyak membantu mengurangkan lambakan rumah siap dibina tidak terjual.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan Kempen HOC. Namun, di bawah Belanjawan 2022, Kerajaan telah mengumumkan pengecualian duti setem sehingga 31 Disember 2025 bagi pembelian rumah berharga RM500,000 dan ke bawah untuk pembeli rumah pertama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY VELLU
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Sri Vell Paari A/L Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah aset yang dimiliki oleh 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) setakat Mac 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB kini hanya memiliki 1 aset iaitu tanah di Pulau Indah seluas 318.42 ekar. 1MDB akan melaksanakan proses penjualan tanah Pulau Indah melalui proses tender terbuka. Ini bagi memastikan proses jualan dibuat dengan telus bagi memaksimumkan pulangan dan menjamin kepentingan 1MDB.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi fokus atau tumpuan kepada mata pelajaran teras sahaja semasa PdPR memandangkan kekangan alat peranti ataupun fokus pelajar semasa menjalani PdPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Oleh yang demikian, KPM melihat keciciran dalam konteks penguasaan pembelajaran sebagai satu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius. Bagi membendung isu keciciran pembelajaran ini, KPM telah membangunkan satu kerangka yang holistik dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat terus dilaksanakan dengan berkesan.

Dalam tempoh pandemik khususnya ketika murid tidak dapat hadir ke sekolah bagi mengikuti pembelajaran secara bersemuka, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid. PdPR boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (online), luar talian (off-line) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid. KPM memantau penyertaan murid dalam PdPR melalui Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR) secara masa sebenar (real-time). Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksana intervensi yang bersesuaian bagi memastikan penyertaan murid adalah secara optimum.

NO SOALAN: 49

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM masih mengekalkan pelaksanaan semua mata pelajaran tanpa memberi tumpuan khusus kepada mata pelajaran teras sahaja. Sekiranya penumpuan hanya diberikan kepada mata pelajaran teras, murid tidak berpeluang menerima pendidikan yang sepatutnya diterima untuk perkembangan pembelajaran mereka. Sehubungan dengan itu, KPM melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum semua mata pelajaran. Penjajaran kurikulum mata pelajaran difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum, KPM juga menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program ini bertujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu, pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran disediakan untuk semua murid.

KPM juga telah melanjutkan sesi persekolahan 2021/2022 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

NO SOALAN: 49

KPM yakin usaha yang dilaksanakan ini dapat membantu murid meningkatkan penguasaan kandungan mata pelajaran mereka dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah bilangan pengusaha kraf berdaftar di Sarawak dan berapakah nilai jualan kraf Negeri Sarawak pada tahun 2016 hingga 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) merupakan badan peneraju yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri kraf negara. Sehingga kini, Kraftangan Malaysia telah membangunkan seramai 6,365 orang usahawan kraf dan 11,895 orang tenaga kerja di seluruh negara.
2. Berlandaskan hala tuju “Kraf Memperkasa Sosioekonomi Rakyat”, usahawan kraf telah dibangun dan diperkasakan dengan program-program pembangunan industri yang dinamik. Di Sarawak, seramai 1,123 usahawan kraf dan 802 tenaga kerja telah dibangun oleh Kraftangan Malaysia.
3. Pendekatan secara holistik menerusi tiga (3) teras utama iaitu Perneriksaan Komuniti Kraf, Pembangunan Modal Insan serta Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Perlindungan berjaya membangun dan memperkasakan usahawan kraf dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Nilai jualan kraf di negeri Sarawak menunjukkan peningkatan pada setiap tahun sebelum penularan COVID-19 di seluruh dunia.

4. Data jualan dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti berikut:

TAHUN	NILAI JUALAN (RM)	BIL. USAHAWAN	BIL. TENAGA KERJA
2016	27,026,501.60	854	737
2017	28,267,334.80	900	740
2018	30,518,028.84	916	730
2019	31,424,514.65	951	729
2020	16,775,750.70	1,050	766

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' NELSON A/L RENGANATHAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif dan skim yang disediakan bagi menggalakkan pengusaha pusat asuhan kanak-kanak menambah baik kaedah pengajaran serta meningkatkan lagi pembelajaran kognitif dan holistik pelajar khususnya pasca pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 adalah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak bagi maksud yang berkaitan dengannya di empat (4) kategori TASKA iaitu TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja, TASKA Komuniti dan TASKA di Rumah untuk memastikan perkhidmatan yang diberi sesuai dengan perkembangan kanak-kanak.

Seksyen 2 Akta 308 memberi maksud **TASKA** adalah "**Premis yang menerima masuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun lebih dari satu isi rumah untuk dijaga dengan upah**".

Konsep penubuhan TASKA adalah **lebih fokus kepada aspek jagaan dan asuhan kepada kanak-kanak manakala aspek pendidikan secara formal** yang disediakan oleh di **TADIKA dan Pra Sekolah di bawah kawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]**.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks penjagaan dan pengasuhan kanak – kanak, Kerajaan melalui KPWKM sangat prihatin akan beban yang ditanggung oleh rakyat. Justeru bagi meringankan beban ibu bapa dari segi kewangan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar, kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- i. Mulai tahun 2013, **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak TASKA sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA berdaftar dengan JKM** bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan isi rumah RM800.00 per kapita untuk di bandar dan RM500.00 per kapita di luar bandar;
- ii. **Subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA Komuniti sebanyak RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak yang hadir ke TASKA Komuniti yang diiktiraf oleh JKM** bagi keluarga yang layak mengikut **pendapatan isi rumah RM5000.00** dan ke bawah di semua kawasan; dan
- iii. **Penjawat awam yang menghantar anak ke TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam juga layak untuk memohon subsidi yuran pengasuhan RM180.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak** mengikut kelayakan **pendapatan isi rumah RM5,000.00** dan ke bawah (Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013);
- iv. **Ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA berdaftar dengan JKM juga layak untuk pelepasan cukai pendapatan sehingga RM3,000.00 setahun** (Sumber: Perenggan 101 Bajet 2022).

Selain itu, kerajaan juga turut prihatin akan beban yang ditanggung oleh pihak pengusaha TASKA khususnya dalam situasi sukar penularan pandemik COVID-19. Justeru kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan berikut:

Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA)

- i. **Program Subsidi Upah** bagi semua majikan yang layak selama 3 bulan dalam tempoh PKP di bawah Bajet PRIHATIN (Tambahan) 2020 pada 6 April 2020. Seterusnya Program ini dilanjutkan lagi 3 bulan dengan **kadar subsidi RM600.00 sebulan bagi setiap pekerja di bawah PENJANA.**
- ii. Pemberian **bantuan khas kepada TASKA iaitu RM5,000.00 kepada TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Institusi dan RM1,500.00 kepada TASKA di Rumah.**
- iii. **Bayaran Insentif Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA maksimum RM900.00 seorang**
- iv. **Peruntukan Geran bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam sebanyak RM10 juta pada tahun 2019, RM30 juta pada tahun 2020, RM30 juta pada tahun 2021 dan RM30 juta pada 2022.** Inisiatif ini bukan sahaja memberikan kemudahan kepada ibu bapa yang bekerja khususnya di sektor awam serta dapat mewujudkan peluang ekonomi dalam sektor penjagaan kanak-kanak.

Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi
(PEMULIH)

- i. Pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan Bantuan Khas kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan JKM yang terkesan secara langsung dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Bantuan tersebut bertujuan untuk meringankan beban pengurusan TASKA. **Sebanyak RM3000.00 diberikan kepada TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti. Manakala RM800.00 diberikan kepada pengusaha TASKA di rumah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha dan inisiatif yang dibuat untuk membawa masuk pemain industri dan memberikan subsidi elektrik kepada kilang bagi merancakkan ekonomi negeri Sabah khususnya dalam membuka peluang pekerjaan untuk belia di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan bagi negeri Sabah yang telah diluluskan oleh MIDA dalam sektor perkilangan sepanjang tempoh Januari 2021 sehingga Disember 2021 ialah RM4.9 bilion, yang terdiri daripada RM4.4 bilion atau 89.8 peratus pelaburan asing dan RM612 juta atau 10.2 peratus pelaburan tempatan. Pelaburan ini mampu menghasilkan 1,849 jumlah pekerjaan kepada penduduk Sabah.

MITI sentiasa bekerjasama secara strategik dengan pihak kerajaan negeri seperti Invest Sabah, Terminal Perindustrian Minyak dan Gas Sabah, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah serta *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA) untuk menarik pelaburan daripada dalam dan luar negara terutamanya di dalam sektor-sektor yang sejajar dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA).

Antara inisiatif yang telah diperkenalkan di peringkat Persekutuan bagi menarik pelaburan asing adalah seperti berikut:

- i. Menggubal Dasar Pelaburan Baharu Negara yang berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi berintensifkan modal dan teknologi dengan berteraskan elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance (ESG)*);

- ii. Dasar Negara Mengenai Industri 4.0: *Industry4WRD* yang telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018 bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam operasi syarikat;
- iii. Menggubal Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi membina ekosistem digital yang lengkap serta Dasar 4IR Negara untuk melengkap Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dalam mendorong pembangunan ekonomi digital;
- iv. Melaksanakan insentif bagi menarik pelabur seperti pakej pengecualian cukai istimewa untuk menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasinya ke Malaysia ataupun menubuhkan operasi baru dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa;
- v. Menganjurkan program rantaian bekalan bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan antara syarikat tempatan dan syarikat multinasional agar syarikat tempatan mendapat peluang perniagaan dan pembekalan daripada projek-projek pelaburan syarikat multinasional;
- vi. Menambahbaik proses pelaburan dengan menubuhkan "*Project Acceleration and Coordination Unit*" (PACU) di MIDA bagi mempercepatkan kelulusan daripada pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia di setiap peringkat; dan

- vii. Menubuhkan operasi Pusat Sehati atau *One Stop Centre* (OSC) untuk membantu pelawat perniagaan jangka pendek memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan sewaktu pandemik ia.

Berdasarkan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan), 2015, sebarang pemberian subsidi elektrik kepada kilang perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Tenaga (ST), perbezaan tarif semasa dan kos pembekalan sebenar adalah ditampung melalui subsidi (bahan api dan tarif) oleh Kerajaan. Kerajaan telah memberikan bantuan fiskal berjumlah RM6.21 bilion bagi tahun 2012 hingga 2019, yang meliputi kos sokongan operasi, tarif dan pelaburan kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) selaku syarikat utiliti tunggal di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 bagi menceburi bidang pertanian dan penternakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 bagi menceburi bidang pertanian dan penternakan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah memperkenalkan Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan atau lebih dikenali sebagai MyFutureAgro di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini mula dilaksanakan pada Ogos 2020 untuk membantu golongan yang terkesan seperti mereka yang diberhentikan kerja akibat COVID-19 dan graduan yang menganggur.

Melalui program ini, peserta yang terlibat akan ditempatkan di syarikat-syarikat berkaitan agromakanan yang terpilih untuk menjalani latihan kerja atau *on job training* selama 1 hingga 6 bulan. Dalam tempoh tersebut, Kerajaan akan membiayai insentif penggajian antara RM800 hingga RM1,000 sebulan melalui syarikat mengikut had umur yang ditetapkan serta insentif mobiliti antara RM600 ke RM1,000 secara *one-off* mengikut syarat yang ditetapkan.

Pencapaian setakat ini seramai 3,276 orang telah dan sedang menjalani latihan kerja di 331 buah syarikat yang terpilih. Sehingga kini seramai 662 orang peserta yang telah diambil bekerja oleh pihak syarikat dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat seiring dengan jumlah peserta yang menamatkan program berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Inisiatif lain MAFI di bawah PENJANA termasuk:

1. Skim Pembiayaan Mikro Kredit (Agrobank)- Skim ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan kewangan kepada industri pertanian dan makanan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP, dalam usaha kerajaan membantu membangunkan semula perniagaan yang terjejas dalam sektor pertanian dan penghasilan makanan. Ianya merupakan Skim Pembiayaan Mikro Kredit di bawah Agrobank bagi membantu usahawan agro (termasuk usahawan industri komoditi) dalam membantu meringankan beban kewangan perniagaan yang terkesan akibat dari penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP yang melanda negara. Skim ini ditawarkan kepada usahawan mikro yang menjalankan aktiviti pertanian, asas tani dan pengeluaran makanan. Kemudahan pembiayaan yang ditawarkan adalah pinjaman dari minima RM1,000 sehingga maksima RM50,000 dengan tempoh sehingga 5 tahun dengan kadar efektif serendah 3.5% setahun atas baki pembiayaan.
2. Program Pertanian Bandar / Kebuniti (DOA) - Pelaksanaan Projek Pertanian Bandar bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19, mewujudkan interaksi sosial dan menggalakkan komunikasi di kalangan komuniti bandar serta membantu dalam menjamin keselamatan makanan. Bantuan yang ditawarkan adalah insentif *one-off* berbentuk input pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal. Projek yang dilaksanakan sama ada individu (insentif RM500) atau komuniti (insentif RM50,000).

3. Program Agropreneur Muda- Program Agropreneur Muda (PAM) bertujuan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun dalam sektor agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agropelancongan. Geran Agropreneur Muda (GAM) yang berbentuk barangan ini mampu meningkatkan pengeluaran hasil dan menambah pendapatan agropreneur muda. Peruntukan tahun 2022 adalah sebanyak RM15 juta. Sasaran usahawan muda bagi tahun 2022 adalah seramai 750 usahawan muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara dalam meningkatkan paras gaji minimum pekerja selaras dengan kadar inflasi negara yang kian meningkat supaya kelangsungan hidup golongan pekerja sentiasa terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kenaikan harga pelbagai barangan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan Mac 2021, kadar inflasi sepanjang tahun 2021 dilihat melebihi kadar kebiasaan inflasi iaitu sekitar 1.6%. Inflasi terkini dicatatkan adalah 3.3% pada bulan Disember 2021. Isu peningkatan kos sara hidup dan inflasi ini memberi kesan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Sehubungan itu, bagi memastikan kadar gaji minimum baharu selari dengan kadar inflasi negara, kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira kos sara hidup dan kadar inflasi melalui indikator perubahan Indeks Harga Pengguna.

Indikator-indikator sosioekonomi lain yang digunapakai dalam formula penetapan gaji minimum termasuk Pendapatan Garis Kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan membayar gaji pekerja), pertumbuhan produktiviti buruh, dan kadar pengangguran. Kajian juga turut mengambilkira perubahan Indeks Harga Pengguna sebagai indikator penting yang mencerminkan perubahan kos sara hidup dan kadar inflasi.

Dalam mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, salah satu langkah jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan adalah melalui pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022. Kerajaan berharap, pelaksanaan gaji minimum baharu ini dan dasar-dasar berkaitan akan

NO SOALAN: 54

membantu menambah baik keadaan kewangan pekerja golongan bawahan supaya mereka boleh merancang perbelanjaan keperluan isi rumah selari dengan kenaikan harga pelbagai barangan pada masa ini.

YAB Perdana Menteri pada 19 Mac 2022 telah mengumumkan bahawa Perintah Gaji Minimum 2022 dengan kadar RM1,500.00 akan dikuatkuasakan mulai 1 Mei 2022. Pada ketika ini satu penelitian sedang dibuat berkaitan kaedah pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA
TARIKH : 21 MAC 2021 (ISNIN)**

Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pelajar daripada keluarga B40 mampu memiliki alat peranti yang mencukupi memandangkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam talian akan berterusan dalam situasi COVID-19 yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan murid daripada keluarga B40 mampu memiliki peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara dalam talian adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021. Tabung CERDIK adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Kesemua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021.
- ii. KPM juga telah menubuhkan Yayasan Didik Negara (YDN) pada 5 Julai 2021 sebagai badan rasmi yang bertanggungjawab menggemblengkan kerjasama dan komitmen pelbagai lapisan masyarakat yang berhasrat untuk menyalurkan sumbangan kepada kumpulan sasar, iaitu murid, warga pendidikan, sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM. Sehingga kini, YDN telah bekerjasama dengan Yayasan AEON Malaysia untuk menyalurkan sumbangan 4,000 unit peranti digital lengkap dengan pelan data kepada murid

NO SOALAN: 55

dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah terpilih di seluruh negara. YDN juga turut mendapat sumbangan 350 peranti daripada EKUINAS dan 45 peranti daripada Airbus Malaysia untuk diagihkan kepada murid B40.

- iii. KPM menerusi YDN turut menyediakan sumbangan peranti melalui peruntukan wang wakalah zakat yang diterima daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pada tahun 2021, seramai 480 murid sekolah rendah dan menengah daripada golongan asnaf di sekitar Wilayah Persekutuan telah menerima sumbangan peranti dan pelan data.

Di samping itu, KPM juga telah diluluskan peruntukan pada tahun 2022 untuk penyediaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) meliputi 75,354 unit komputer riba, 3,804 unit pencetak, 3,800 unit projektor dan 3,228 unit *charging cart* untuk keperluan PdP di makmal komputer sekolah termasuk bagi menggantikan peralatan ICT yang telah usang. Peralatan ICT ini sedang diedarkan ke sekolah terlibat bermula bulan Mac 2022. Peralatan ICT ini boleh digunakan oleh semua murid termasuk daripada keluarga B40 secara guna sama di sekolah untuk tujuan PdP.

KPM dari semasa ke semasa akan meneruskan inisiatif penyediaan peralatan ICT, termasuk peranti digital kepada murid. KPM melalui YDN juga akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak yang ingin menyumbang dan menyalurkan sumbangan tersebut dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan jumlah kolej perubatan swasta di dalam negara memandangkan terlampau banyak graduan tiap-tiap tahun dengan kualiti tidak terjamin dan jawatan di perkhidmatan awam tidak mencukupi. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan kualiti kolej perubatan swasta dan pendidikan dalam bidang perubatan terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, pengambilan pelajar Sarjana Muda Perubatan ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sentiasa dipantau melalui penetapan kuota pengambilan pelajar sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dengan mengambil kira kapasiti di IPTS berkaitan. MPM yang diterajui oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga merupakan badan profesional yang mengawal selia penawaran kursus-kursus pengajian perubatan di IPTS bagi menjamin mutu graduan yang dihasilkan dengan mengambil kira beberapa aspek termasuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta tenaga pengajar.

Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan MPM sentiasa melaksanakan kawalan kualiti bagi memastikan kualiti kursus pengajian perubatan yang ditawarkan di IPTS adalah setanding dengan piawaian antarabangsa. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada MQA, KKM, MPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi melihat serta menangani isu-isu berkaitan akreditasi kursus-kursus pengajian perubatan yang ditawarkan menunjukkan komitmen Kementerian yang tinggi dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan terjamin. Selain itu, MQA turut melaksanakan penilaian kapasiti pengambilan pelajar perubatan di IPTS setiap lima (5) tahun bagi memastikan pengambilan pelajar adalah bersesuaian mengikut keperluan sumber tenaga kerja semasa negara. Kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Program Sarjana Muda

Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian bagi memperkemas mekanisme kelulusan pengubahan fakulti dan penawaran kursus pengajian baharu perubatan.

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi berperanan untuk menilai semula permohonan-permohonan kursus pengajian baharu dalam bidang perubatan. Sementara itu, keahlian Jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil daripada KKM, MPM, MQA, Majlis Pergigian Malaysia (MDC), Majlis Dekan Perubatan dan Majlis Dekan Pergigian

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Datuk Paul Igai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan sedia ada dan akan dibuat untuk menyimpan semula dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah berkurangan selepas sebahagian besar darinya digunakan untuk pembelian vaksin COVID-19 dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, PETRONAS merupakan penyumbang tunggal. Walau bagaimanapun, setelah ekonomi negara kembali stabil, usaha penambahan semula dana KWAN akan dilaksanakan dengan mempergiat usaha menyeru pihak-pihak yang mendapat manfaat daripada pengeksploitasian sumber menyusut negara untuk menyumbang kepada dana KWAN seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 5(1) Akta Kumpulan Wang Amanah Negara [Akta 339]. Komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk turut mengambil bahagian dalam inisiatif membaik pulih dana KWAN pasca pemulihan ekonomi adalah amat penting untuk memastikan dana KWAN dapat menjalankan peranannya seperti yang termaktub di dalam Akta di samping memperkukuhkan tadbir urus penggunaan dana KWAN itu sendiri.

Penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan daripada pelbagai segi termasuk usaha untuk mempelbagaikan sumber sumbangan terutamanya kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam sumber-sumber alam semulajadi atau yang menerima manfaat daripada polisi Kerajaan. Selain itu, aspek kawal selia, pelaburan dan peningkatan dana juga diberikan tumpuan bagi tujuan menguatkan kawal selia, mengemas kini skop pelaburan dan meningkatkan sumbangan dana.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah penyelesaian berkenaan isu agama anak Mualaf agar ia dapat ditangani dengan cermat dan teliti.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan (PP), hal perkara mengenai hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah kuasa Negeri.
2. Dalam hal ini, Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat perbezaan berhubung dengan keupayaan masuk Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di negeri-negeri. Walaupun semua undang-undang tersebut memperuntukkan berkenaan dengan keperluan mendapat keizinan daripada ibu bapa atau penjaga, peruntukan tersebut adalah berbeza berkenaan dengan kehendak sama ada perlu mendapat keizinan daripada kedua-dua ibu dan bapa atau keizinan salah seorang ibu atau bapa.

3. Kerajaan juga maklum keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals* [2018] 3 CLJ 145 yang memutuskan bahawa Fasal (4) Perkara 12 PP memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu dan bapanya atau penjaganya. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa menurut Fasal (4) Perkara 12 PP, persetujuan kedua-dua ibu bapa adalah perlu dalam hal pemeluk agama Islam anak yang berumur di bawah 18 tahun sekiranya kedua-dua ibu bapa masih hidup. Sekiranya hanya salah seorang sahaja yang masih hidup, maka mencukupi dengan persetujuan salah seorang ibu bapa sahaja.

4. Jika anak telah memeluk Islam, tidak ada keperluan untuk dibatalkan pengislaman tersebut selagi mana kebajikan dan kepentingan anak mualaf terpelihara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Datuk Razali Bin Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perkembangan industri pelancongan domestik sejak kebenaran rentas negeri dan apakah Malaysia sudah bersedia sepenuhnya untuk menerima kemasukan pelancong asing dari seluruh dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak kebenaran rentas negeri dan pembukaan aktiviti pelancongan secara berperingkat di seluruh negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) giat memantau perkembangan pemulihan industri pelancongan dari semasa ke semasa.
2. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MOTAC untuk melaksanakan Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan larangan aktiviti rentas negeri masih berkuatkuasa. Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi yang dilaksanakan bermula 16 September 2021 ini telah berjaya mencatatkan kedatangan melebihi 720,000 orang pelawat dari seluruh negara sejak bermula pelaksanaannya sehingga 31 Disember 2021.
3. Susulan kejayaan projek rintis ini, Kerajaan telah mengumumkan kebenaran aktiviti rentas negeri bermula 13 Oktober 2021. Ini telah membawa khabar gembira kepada penggiat industri kerana rakyat kini boleh melakukan aktiviti pelancongan di seluruh negara dan seterusnya merangsang pemulihan industri.
4. Oleh yang demikian, dalam usaha merencanakan kembali pelancongan domestik, MOTAC telah merancang pelbagai strategi, antaranya pelaksanaan program penebusan insentif dalam bentuk diskaun/rebat/baucar yang ditawarkan kepada pengguna syarikat-

syarikat penerbangan, premis penginapan pelancongan dan pembelian produk kebudayaan.

5. Berdasarkan pemerhatian MOTAC juga, beberapa tarikan pelancongan seperti muzium, zoo dan beberapa tapak warisan dunia, telah mula menerima kedatangan pengunjung. Muzium-Muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) misalnya, telah menerima kunjungan melebihi 80,000 pelawat pada tahun 2021, hanya selepas kebenaran pengoperasian semula muzium-muzium secara berfasa bermula 7 Ogos 2021.

6. Pada masa yang sama, berdasarkan laporan daripada Persatuan Hotel Malaysia (MAH), *Average Occupancy Rate* (AOR) bagi hotel-hotel 4 hingga 5 bintang yang berdaftar dengannya di seluruh negara dilaporkan telah meningkat pada tahun 2021 berbanding hanya 18% dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

7. MOTAC telah memulakan usaha dan kesiapsiagaan untuk kembali menerima kehadiran pelancong antarabangsa melalui pelaksanaan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB) bermula 15 November 2021 dikala sempadan antarabangsa negara masih belum dibuka sepenuhnya. Usaha ini merupakan ujian rintis atau *pilot test* ke atas kesediaan keseluruhan ekosistem industri pelancongan terutamanya penggiat-penggiat industri dan agensi-agensi Kerajaan dalam menerapkan norma baharu serta membuka industri pelancongan kepada pasaran antarabangsa secara berperingkat dan selamat.

8. Sejak diperkenalkan, tiada sebarang kluster jangkitan berpunca daripada pelancong-pelancong LITB yang dilaporkan dengan hanya 2.4% daripada mereka didapati positif COVID-19 di bawah kategori 1 dan 2 semasa saringan dibuat semasa ketibaan di KLIA dan Langkawi. Pelaksanaan LITB selama tiga (3) bulan ini juga telah mencatatkan kehadiran lebih 5,800 orang pelancong asing dan menjana pendapatan melebihi RM28juta kepada ekonomi Pulau Langkawi.

9. Bagi memastikan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara yang dijadual bermula 1 April 2022 kelak dapat berjalan dengan selamat, lancar dan sistematik, Kementerian Kesihatan (KKM) telah dan sedang bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan seperti MOTAC, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membangunkan SOP pembukaan semula sempadan negara yang akan diumumkan dalam masa terdekat berdasarkan pengalaman LITB.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani berlakunya jenayah seksual dalam kebanyakan aplikasi media sosial dan apakah tindakan pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkembangan teknologi dan penggunaan gajet yang semakin meningkat secara tidak langsung turut menyumbang kepada berlakunya kes-kes jenayah seksual yang melibatkan aplikasi atas talian. Justeru pihak Kementerian telah mengambil inisiatif untuk menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada dengan mewujudkan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [*Akta 792*]. Akta ini memperuntukkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah seksual terhadap kanak-kanak berbanding dalam peruntukan di bawah Kanun Keseksaan di bawah seksyen 509 KK (kesalahan mengeluarkan perkataan atau isyarat mengaibkan kehormatan seseorang) dan 292KK (kesalahan memiliki bahan lucah) bagi siasatan melibatkan elemen media sosial.

Seksyen 3, Akta 792 ini juga membolehkan kesalahan yang melibatkan warganegara Malaysia ke atas mangsa kanak-kanak yang berlaku di luar Malaysia dikendalikan dan disiasat seolah-olah kejadian tersebut berlaku di Malaysia. Di samping itu, Akta 792 mempunyai peruntukan bagi kesalahan pengantunan dan pornografi kanak-kanak sama ada secara fizikal ataupun melalui elektronik, mekanikal, digital termasuklah melalui media sosial.

NO SOALAN: 60

Selain itu, untuk makluman YB, Kerajaan juga telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM13 juta untuk memperkasa Bahagian Siasatan Seksual dan Keganasan Rumah Tangga, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi pewujudan 100 perjawatan baharu dan mempergiatkan program kesedaran komuniti berhubung keganasan terhadap wanita di seluruh negara. Kelulusan 100 perjawatan baharu ini amat penting kepada PDRM dalam meningkatkan keberkesanan siasatan jenayah seksual membabitkan mangsa yang terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak.

Pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan siasatan jenayah seksual dan siber akan ditempatkan di D11 di peringkat Bukit Aman dan Kontinjen bagi memastikan penyampaian perkhidmatan D11 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kementerian akan memantau secara dekat dan berkala tindakan pengisian perjawatan oleh PDRM bagi menjamin hasrat kerajaan dalam meluluskan 100 perjawatan baharu ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB.HAMID
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Isa Bin Ab.Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Orang Asli yang menyertai Program Bantuan MySalam dan tuntutan yang diterima oleh Komuniti Orang Asli sejak 2019-2022.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) tahun 2021, anggaran 67,200 Orang Asli layak menerima manfaat di bawah Skim MySalam iaitu peningkatan sebanyak 88.8 peratus berbanding tahun 2019. Peningkatan jumlah penerima ini adalah selaras dengan peluasan manfaat Skim mySalam oleh Kerajaan termasuk di bawah Belanjawan 2020 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Manakala bagi tahun 2022, Kerajaan masih lagi dalam proses membuat semakan data penerima berkaitan dan dijangkakan hanya akan dapat dimuktamadkan pada bulan April 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, bilangan tuntutan Skim mySalam yang telah diluluskan kepada komuniti Orang Asli secara keseluruhannya sejak ia mula dilaksanakan sehingga 4 Mac 2022 adalah lebih 2 ribu tuntutan dengan jumlah tuntutan dibayar lebih daripada RM 1.1 juta bagi tuntutan manfaat hospitalisasi (HB), penyakit kritikal (CI) dan berkaitan PUI COVID-19.

Di bawah Belanjawan 2021, Kerajaan juga telah memperluas perlindungan Skim mySalam dengan penerima BPR tahun 2021 layak untuk membuat tuntutan ke atas kos peranti perubatan. Berdasarkan rekod tahun 2021, terdapat satu(1) tuntutan telah diluluskan kepada komuniti Orang Asli dengan jumlah tuntutan dibayar adalah sebanyak RM1,200. Manakala sehingga 4 Mac 2022, tiada sebarang permohonan tuntutan bayaran yang diterima Kerajaan melibatkan komuniti Orang Asli.

Secara keseluruhannya, dapat saya rumuskan komuniti Orang Asli tidak terkecuali daripada mendapat manfaat Skim mySalam mengambil kira peningkatan rekod penerima yang layak serta bilangan tuntutan diluluskan dan dibayar kepada komuniti tersebut. Peningkatan yang direkodkan ini adalah selaras dengan usaha berterusan yang diambil Kerajaan bagi mewar-warkan pelaksanaan dan manfaat Skim tersebut termasuk membuat hebahan menerusi platform media sosial, media cetak dan elektronik selain meningkatkan bilangan kiosk Skim mySalam di hospital awam serta melatih petugas Skim mySalam dalam menyampaikan maklumat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Seruandi Bin Saad minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah peningkatan varian Omicron ini memberi kesan kepada sesi pembelajaran pada tahun 2022 dan apakah langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pembelajaran murid tidak terganggu dan seterusnya mengelakkan permasalahan PdPR yang berlaku sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi statistik jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga sekolah, termasuk murid.

Berdasarkan data KPM, bagi tempoh 1 Januari hingga 14 Mac 2022, sebanyak 237 kluster telah diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang melibatkan 219 kluster atau 92.41 peratus institusi pendidikan bawah KPM. Manakala, 18 kluster atau 7.59 peratus adalah di institusi pendidikan swasta berdaftar bawah KPM. Bagi tempoh yang sama, terdapat seramai 11,541 murid yang telah dijangkiti wabak COVID-19 atau 0.23 peratus daripada jumlah enrolmen keseluruhan murid KPM. Ini turut meliputi kes jangkitan yang berlaku di luar sekolah.

KPM sentiasa memantau rapi kadar vaksinasi murid sekolah rendah dan menengah berumur 12 hingga 18 tahun sebagai persediaan pengoperasian sekolah bagi Kalendar Akademik 2022/2023. Berdasarkan data Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada 14 Mac 2022, status pengambilan vaksin bagi kumpulan murid berumur 12 hingga 18 tahun bagi dos kedua ialah

NO SOALAN: 62

95.29 peratus. Data CITF, KKM pada 14 Mac 2022 juga menunjukkan bahawa 36.4 peratus kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun yang bersekolah di institusi bawah KPM telah menerima dos pertama vaksin COVID-19. KPM sentiasa bekerjasama dengan KKM bagi meningkatkan kadar vaksinasi dalam kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited dalam memastikan persekitaran sekolah adalah selamat bagi pelaksanaan PdP secara bersemuka. Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 (GPPPS) 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru. Garis Panduan ini mengandungi panduan khusus mengenai prosedur pengurusan murid bergejala, murid disahkan positif COVID-19, murid yang dikenal pasti sebagai kontak rapat pesakit COVID-19 di sekolah dan penutupan sekolah.

Selari dengan situasi semasa berkenaan penularan wabak COVID-19, KPM sentiasa berbincang secara berkala bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meneliti dan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) sedia ada bagi mengekang jangkitan COVID-19 di sekolah. Berdasarkan saranan daripada KKM, pihak KPM telah mengambil tindakan memperketatkan lagi pelaksanaan GPPPS 3.0 dengan menyediakan lampiran tambahan (*annexe*) kepada garis panduan ini yang memberi penekanan kepada keselamatan dan kesihatan warga sekolah. Ia menekankan beberapa aspek utama seperti kehadiran warga sekolah yang bergejala, kebenaran masuk berdasarkan status MySejahtera, tanggungjawab guru di sekolah, pengurusan bilik guru, pengurusan murid di

NO SOALAN: 62

sekolah, pengurusan asrama, pengurusan dewan makan asrama dan pengurusan kes positif COVID-19 di sekolah.

Selain itu, peranan ketua kelas, pengawas dan pembimbing rakan sebaya turut diperkasakan untuk bersama-sama memantau rakan yang bergejala dari semasa ke semasa dan mengingatkan rakan mereka supaya sentiasa mematuhi SOP. Selain itu, KPM turut melaksanakan ujian saringan bergilir COVID-19 bagi murid sekolah rendah di bawah Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan.

KPM komited dalam memastikan pengoperasian sekolah berjalan dengan teratur dan selamat serta sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengawal dan mengekang penularan jangkitan wabak COVID-19 dalam kalangan murid di sekolah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Puan Noraini Binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aspek-aspek penstrukturan semula bagi memastikan pengurusan serta pengendalian bencana di peringkat negeri khususnya Sabah dapat dikelolakan dengan lebih responsif, efektif dan efisien oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah bersetuju supaya struktur NADMA diteliti semula untuk diperkukuhkan selaras dengan peranannya sebagai peneraju pengurusan bencana negara. Dalam hubungan ini, YAB Perdana Menteri menekankan keperluan untuk NADMA diwujudkan di peringkat negeri dan daerah melalui ucapan beliau dalam Mesyuarat Khas Penggal Keempat, Parlimen Ke-14 Dewan Rakyat pada 20 Januari 2022.
2. Sehubungan itu, NADMA telah memulakan proses penstrukturan semula organisasi bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab pengurusan bencana secara keseluruhan bagi memastikan cabaran yang dihadapi ekoran daripada pengurusan bencana banjir sewaktu Monsun Timur Laut yang lepas tidak lagi berulang demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

3. Mengambil kira semua perkara yang dibangkitkan dalam mandat Jemaah Menteri, cadangan pengukuhan NADMA akan menumpukan kepada tiga perkara iaitu:
 - (i) Koordinasi bencana;
 - (ii) Mitigasi dan pembangunan semula; dan
 - (iii) Sinergi pengurusan strategik.

4. Dalam hal ini, NADMA akan diperkukuhkan secara menyeluruh melalui rombakan organisasi dan pewujudan NADMA di negeri dan daerah di seluruh negara termasuk di Sabah sejajar dengan tuntutan Kerajaan dan orang awam. Penambahan sumber manusia di setiap peringkat serta struktur organisasi yang lebih holistik akan membolehkan NADMA memainkan peranan dan fungsi berdasarkan Arahan MKN No. 20 dengan lebih berkesan, sekali gus setanding dengan agensi-agensi pengurusan bencana di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan agihan peruntukan jalan luar bandar dan skim bekalan air dan elektrik luar bandar 2022 di Sarawak dan sejauh manakah usaha Kementerian menangani baik pulih infrastruktur-infrastruktur yang uzur dan telah mengalami kerosakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, agihan peruntukan yang diluluskan bagi program Jalan Luar Bandar untuk wilayah Sarawak pada tahun 2022 adalah berjumlah RM221.45 juta melibatkan 72 projek. Projek-projek jalan luar bandar yang siap dibina akan didaftarkan di bawah sistem MARRIS bagi melayakkan jalan-jalan ini menerima peruntukan penyenggaraan setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sarawak tahun 2022, sebanyak RM131.2 juta diperuntukkan bagi melaksanakan sebanyak 44 buah projek melibatkan 37 projek sambungan dan 7 projek baharu.

Secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan termasuklah kerja-kerja baik pulih infrastruktur yang uzur dan rosak.

Peranan dan matlamat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

NO SOALAN: 64

Manakala agihan peruntukan yang diluluskan bagi program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk Sarawak pada tahun 2022 adalah berjumlah RM160.029 juta melibatkan 16 projek. Projek-projek BELB yang siap dibina akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB) untuk dioperasi dan disenggara secara berterusan agar penduduk kampung terlibat sentiasa mendapat manfaat daripada projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah peratusan rakyat Malaysia yang telah menerima dos penggalak sehingga kini serta adakah Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan pengambilan dos tersebut selepas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 17 Mac 2022, seramai 15,425,524 (65.6%) individu yang berusia 18 tahun dan ke atas telah menerima vaksin dos penggalak.
2. Buat masa ini, pemberian dos penggalak adalah secara **sukarela**. Walau bagaimanapun, status vaksinasi dalam MySejahtera bagi individu dewasa berumur 18 tahun ke atas yang menerima dos primer vaksin Sinovac atau warga emas berumur 60 tahun dan ke atas akan bertukar kepada vaksinasi tidak lengkap jika tidak mengambil dos penggalak selepas 31 Mac 2022. Ini adalah kerana kumpulan ini adalah tergolong kepada golongan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan dan komplikasi teruk akibat jangkitan COVID-19.
3. Individu dalam dua kumpulan yang disebutkan ini akan dikira mendapat **dos lengkap** sebaik sahaja mereka menerima suntikan dos penggalak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk kawalan kualiti yang dikenakan ke atas silibus, pedagogi dan kelayakan guru di institusi pendidikan prasekolah yang dilaksanakan oleh entiti swasta atau perseorangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan kualiti silibus dan pedagogi dilaksanakan pada peringkat prasekolah, termasuk tadika swasta. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyediakan instrumen Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) yang merangkumi lima dimensi kualiti untuk menilai kualiti program pendidikan prasekolah, iaitu kurikulum, guru dan pembantu guru, tadbir urus, interaksi prasekolah-ibu bapa/ penjaga serta kesihatan, pemakanan dan keselamatan. SKPK ini dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh prasekolah serta tadika swasta diikuti dengan verifikasi oleh pegawai KPM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Bagi tadika swasta yang belum mencapai standard minimum yang ditetapkan, KPM melaksanakan intervensi untuk membantu tadika menambah baik kualiti pendidikan yang disediakan seperti berikut:

- i. aktiviti kunjung bantu untuk memberi bimbingan secara berterusan bagi dimensi kualiti yang tidak mencapai tahap minimum; dan
- ii. aktiviti latihan secara berterusan dalam aspek pedagogi prasekolah menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

NO SOALAN: 66

Bagi memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, KPM juga telah menetapkan kelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi semua guru prasekolah, termasuk tadika swasta bermula tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai Program Pemulihan Dalam Komuniti yang akan dilaksanakan di universiti awam bermula tahun 2022. Berapakah peruntukan yang disediakan untuk setiap universiti yang melaksanakan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi Ucapan Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara termasuk peluasan pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di universiti-universiti awam (UA). Dalam hubungan ini, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan PPDK pada tahun 2022.

Untuk makluman juga, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan UA pelopor yang menubuhkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sejak tahun 2016. Matlamat penubuhan Pusat ini adalah bagi menyediakan kemudahan, perkhidmatan yang terbaik dan bermutu bagi membantu pembangunan, perkembangan, serta meningkatkan kemahiran golongan OKU dari kalangan komuniti setempat dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Antara program yang dilaksanakan menerusi PPDK ini adalah Latihan Pekerjaan OKU Intelek / *Vocational Training* (VT), Pertanian Komersil OKU Intelek, Pusat Latihan Pertanian OKU Intelek dan Sukan Dan Karnival OKU (SUKOKU). Sehingga tahun 2021, terdapat seramai 240 orang OKU yang telah berdaftar di bawah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti USM.

Bagi merealisasikan peluasan pelaksanaan PPDK di UA lain, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil Pusat Perkhidmatan dan Sokongan OKU UA bagi menyelaras permohonan penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti baharu di UA serta pelaksanaan program PPDK oleh mereka.

NO SOALAN: 67

Untuk fasa permulaan, beberapa buah UA telah mengemukakan kertas cadangan permohonan penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan pelaksanaan PPDK kepada KPT berserta anggaran kos keseluruhan bajet yang diperlukan seperti berikut:

- (i) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - RM1,574,000.00;
- (ii) Universiti Malaysia Pahang (UMP) - RM1,376,554.00;
- (iii) Universiti Teknologi Mara (UiTM) - RM964,996.09;
- (iv) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) - RM430,000.00; dan
- (v) Universiti Malaysia Sabah (UMS) - RM84,070.00.

Sebagai makluman, kesemua permohonan lima (5) UA ini yang berjumlah RM 4,429,620.09 telah dikemukakan oleh pihak KPT kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sasaran yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai tahap penyediaan katil hospital yang lebih tinggi, justeru memberi kemudahan kesihatan yang lebih selesa untuk rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meletak sasaran nisbah katil hospital kepada 1,000 penduduk pada kadar 2.08 pada akhir Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Dalam RMKe-11, nisbah yang tercapai adalah 2.01 yang mana bilangan katil meningkat daripada 55,952 katil pada 2016 kepada 65,508 katil pada 2020.
2. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, inisiatif yang diambil oleh KKM ialah menambah bilangan katil menerusi pembinaan hospital baharu dan menaik taraf hospital serta fasiliti sedia ada. Tumpuan diberikan kepada kawasan di mana hospital sedia ada mempunyai kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate* – BOR) yang tinggi. Faktor lain yang turut diambil kira ialah kepadatan penduduk, akses kepada perkhidmatan di hospital sedia ada dan peruntukan kewangan kerajaan.
3. Selain meningkatkan bilangan katil di hospital dan fasiliti KKM, kementerian juga menggunakan pendekatan untuk mengoptimumkan bilangan katil sedia ada menerusi:
 - (i) perkhidmatan rawatan harian (*day care treatment services*) di hospital-hospital utama bagi mengurangkan keperluan terhadap katil pesakit dalam; dan

- (ii) pelaksanaan program hospital kluster yang mana perkhidmatan kepakaran dikembangkan ke hospital tanpa pakar yang mempunyai kadar penggunaan katil yang rendah membantu memberikan kemudahan kesihatan yang lebih selesa untuk rakyat.
4. Semasa pandemik COVID-19, pesakit bukan COVID-19 juga terjejas kerana rawatan kes bukan kecemasan dan elektif perlu ditunda. Antara langkah yang diambil oleh KKM untuk memastikan pesakit bukan COVID-19 mendapat kemudahan kesihatan yang terbaik adalah:
- (i) Pemanjangan waktu operasi klinik pakar/dewan bedah selepas waktu pejabat termasuk pada Sabtu bagi hospital tertentu;
 - (ii) Penambahan kes dalam sehari oleh hospital di sekitar Selangor serta pemanjangan waktu operasi klinik pakar dan dewan bedah selepas waktu pejabat termasuk pada Sabtu;
 - (iii) Mengoptimumkan penggunaan hospital bukan pakar, Hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Hospital Pengajar untuk menjalankan prosedur atau pembedahan tertentu melalui konsep Hospital Kluster;
 - (iv) Melakukan mobilisasi pakar KKM dan pakar swasta ke hospital yang tidak menyediakan perkhidmatan kepakaran tertentu;

- (v) Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan tertentu kepada hospital swasta untuk mengurangkan waktu menunggu prosedur atau pembedahan; dan

- (vi) Prosedur pembedahan secara besar-besaran yang dilakukan secara 'bergotong-royong' oleh KKM bersama dengan hospital swasta seperti Program Berskala Besar Pembedahan Urologi (*Mass Urological Surgery Initiative, MUSI*) di Hospital Selayang pada 10-13 Februari 2022 dan Program *Mass Cataract Surgery Initiative* (MCSI) 2022 di Tawau pada 7 hingga 13 Mac 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Dr. Nuing Jeluing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membendung gejala rasuah di Malaysia memandangkan kedudukan Malaysia telah turun lima tangga dari 57 dalam tahun 2020 kepada 62 pada tahun 2021 berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. CPI merupakan barometer antarabangsa yang diterbitkan oleh Transparency International (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam badan awam termasuk pegawai dan Anggota Pentadbiran bagi negara-negara di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pengukuran CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian oleh institusi-institusi antarabangsa. Indeks ini adalah untuk memberi gambaran kepada Kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara.
2. CPI Malaysia untuk tahun 2021 dikira berdasarkan 9 daripada 13 kajian yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa. Laporan tersebut menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-2 terbaik selepas Singapura di antara 9 negara ASEAN yang terlibat. Antara perkara yang mempengaruhi skor dan kedudukan negara dalam CPI adalah soalan berbeza yang digunakan antara negara, responden atau kumpulan sasar serta jumlah penglibatan

negara yang berbeza setiap tahun. Sebagai contoh, kajian CPI tahun 2021 tidak melibatkan negara Brunei.

3. Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan agar laporan CPI tersebut lebih adil dan dapat memberi gambaran yang sebenar. Kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI 2021 menunjukkan ketelusan dan komitmen Malaysia dalam penambahbaikan tadbir urus. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Walau bagaimanapun, harus kita ingat bahawa usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' NELSON A/L RENGANATHAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Nelson a/l Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pusat penjagaan warga emas berdaftar mengikut negeri di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. **Sehingga 31 Januari 2022**, terdapat **386 Pusat Jagaan Warga Emas** yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan kemudahan institusi bagi warga emas iaitu **Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE)**. Terdapat sepuluh **(10) buah RSK di seluruh Malaysia di mana dua (2) buah daripadanya sedang dalam pembinaan naik taraf bangunan. Sehingga Januari 2022, seramai 1,091 warga emas** yang masih boleh menguruskan diri telah ditempatkan di RSK. **Dua (2) buah RE di seluruh Malaysia juga disediakan untuk warga emas daif yang sakit, uzur dan terlantar.** Penghuni RE diberi penjagaan, rawatan dan perlindungan mengikut keperluan mereka. Sehingga Januari 2022, seramai **255 warga emas** yang mendapatkan perkhidmatan di RE.

Kerajaan melalui KPWKM juga turut menerapkan **konsep penjagaan warga emas dengan melibatkan komuniti setempat dengan menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**. Pusat ini merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan

(NGO). Sehingga kini, **terdapat 153 buah PAWE** yang telah beroperasi di seluruh Malaysia.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terjamin. Selain itu, semua pengendali pusat jagaan yang masih belum berdaftar dimohon untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan standard minimum, kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Hajah Nuridah Binti Mohd Salleh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kesalahan "body shaming" mengikut rekod pendakwaan di mahkamah dari tempoh 2017-2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod kesalahan *body shaming* dari tempoh 2017 sehingga 2021, sebanyak 17 kes telah dilaporkan sepanjang tersebut. Dari jumlah berkenaan, satu (1) kertas siasatan telah dibuka, tiga (3) kes “*no further action*” dan sebanyak 13 kes “*Refer Other Agency (ROA)/No Offences Disclosed/Refer to Majistret*”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam negara untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19 kebelakangan ini dan berapakah daripada jumlah bantuan itu yang telah diberikan kepada PKS di Sabah dan Sarawak dalam tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama agensinya sentiasa komited membantu Perusahaan Kecil dan Sederhan (PKS) yang terkesan daripada pandemik COVID-19. Pebagai bentuk bantuan diberikan kepada PKS di Sabah dan Sarawak yang merangkumi penyediaan pembiayaan kepada usahawan, pembangunan kapasiti, moratorium pinjaman, latihan serta bimbingan keusahawanan secara dalam talian dan pelaksanaan program berimpak tinggi.

Di antara program-program yang dilaksanakan melalui agensi-agensi di bawah Kementerian kepada PKS di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) **Bank Rakyat** telah melaksanakan program seperti BR Cares, BR Flex-i, Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF), Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS) dan Pembiayaan PKS Bukan Program (BAU). Program-program tersebut melibatkan **1,686 usahawan** Sabah dan Sarawak dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM120.5 juta**;
- (ii) **PERNAS** telah melaksanakan Skim Pembiayaan Rangsangan Pasca COVID-19. Program tersebut melibatkan seramai **5 usahawan** Sabah dan Sarawak dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM0.37 juta**;

- (iii) **SME Bank** telah menyalurkan pembiayaan dan khidmat nasihat, Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF). Program-program tersebut melibatkan seramai **2,854 usahawan** Sabah dan Sarawak dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.64 bilion**;

- (iv) **SME Corp. Malaysia** telah melaksanakan program Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP 3.0), Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP), Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Program Pembiayaan Pengukuhan PKS (SMERF). Program-program tersebut melibatkan seramai **701 usahawan** Sabah dan Sarawak dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM26.78 juta**; dan

- (v) **TEKUN Nasional** telah melaksanakan program Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM), Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS), Skim Pembiayaan Informal (SPIN), TEKUN Niaga, Program Pembangunan Usahawan Siswazah, TEMAN TEKUN dan Kontrak-i. Program-program tersebut melibatkan seramai **15,419 usahawan** Sabah dan Sarawak dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM230.25 juta**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam membaik pulih semula infrastruktur yang telah musnah akibat bencana alam dan apakah usaha untuk mempertingkatkan kekukuhan infrastruktur dalam menghadapi bencana alam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi membaik pulih semula infrastruktur yang telah musnah akibat bencana alam, Kementerian Kerja Raya Malaysia telah menyelaras Pembaikan Segera infrastruktur awam yang melibatkan jalan, tebatan banjir, pembedung, saluran dan utiliti bersama pihak KASA dan JPS melalui Task Force Pengurusan Pasca Banjir dan Bencana Monsun Timur Laut 2021/ 2022.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian ini juga telah merangka kerja-kerja pembaikan akibat bencana yang melibatkan skop kerja Berkala Pavemen, Berkala Bukan Pavemen, Penyenggaraan Jambatan, Penyenggaraan Cerun dan Penyenggaraan Elektrik. Dalam hal ini, Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti lokasi- lokasi terlibat dengan bencana ini dan telah meluluskan kos pembaikan di Jalan Persekutuan terlibat dengan pecahan seperti berikut:

1. Skop kerja Berkala Pavemen sejumlah RM34,970,000.00
2. Skop kerja Berkala Bukan Pavemen sejumlah RM13,120,000.00
3. Skop kerja Jambatan sejumlah RM2,000,000.00
4. Skop kerja Elektrik sejumlah RM4,780,000.00

Jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan bagi kerja-kerja pembaikan bencana ini adalah berjumlah RM54,870,000.00.

Selain daripada itu, dalam usaha mempertingkatkan lagi kekukuhan infrastruktur dalam menghadapi bencana alam terutamanya seperti banjir yang acap kali berlaku akhir-akhir ini, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan kerja-kerja penyenggaraan perparitan dan pembedung di Jalan persekutuan melalui syarikat konsesi yang dilantik. Ini dizahirkan melalui pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan perparitan secara rutin dan berkala yang merangkumi skop kerja pembersihan pembedung, parit sisi jalan dan membaik pulih parit-parit yang rosak.

Kementerian Kerja Raya Malaysia sentiasa komited dalam memastikan semua Jalan Persekutuan dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan oleh pengguna jalan raya tidak kira dalam apa jua keadaan dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun dan pemantauan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO` HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan bagi mengoptimumkan penglibatan golongan usahawan muda dalam menjana pembangunan industri halal dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengoptimumkan penglibatan golongan usahawan muda dalam menjana pembangunan industri halal dalam dan luar negara, Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta Pelan Induk Industri Halal (HIMP2030) yang dibangunkan oleh Halal Development Corporation Berhad (HDC) telah menggariskan dasar serta pelan tindakan yang sewajarnya. Ia memfokuskan kepada satu matlamat utama iaitu memperkasakan penglibatan usahawan tempatan meliputi golongan muda dalam pengkomersilan produk dengan penguasaan pasaran yang lebih besar. Ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah strategi Meningkatkan Daya Saing Industri Halal Yang Inklusif.

HIMP2030 memfokuskan kepada pertumbuhan industri halal domestik yang mampan melalui 7 strategi pemeraksanaan seperti berikut:

- a. Menambah baik polisi dan instrumen pemboleh ubah yang berkaitan bagi menyokong jalinan ekosistem domestik;
- b. Menerokai *marketspace* yang baharu dan berpotensi tinggi bagi produk dan perkhidmatan halal buatan tempatan;
- c. Melahirkan lebih ramai golongan pakar industri halal bagi memenuhi keperluan pasaran buruh;
- d. Menggalakkan pembangunan infrastruktur yang mesra industri bagi memastikan kesalinghubungan keseluruhan rangkaian bekalan dan nilai;

NO SOALAN: 74

- e. Menggerakkan pembangunan industri halal berintensifkan '*thought leadership*' yang merentasi kumpulan etnik, kumpulan pendapatan dan wilayah serta menyokong usaha ke arah mencapai potensi sebenar pertumbuhan ekonomi;
- f. Mewujudkan lebih banyak syarikat berstatus juara tempatan dengan memperhebat kerjasama strategik di kalangan sektor swasta; dan
- g. Meningkatkan penyertaan perusahaan Bumiputera yang berdaya saing menerusi pembudayaan inovasi dan penerimgunaan teknologi.

Beberapa program yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan generasi muda dalam industri halal adalah seperti:

- a. penarafan dan pensijilan seperti *Halal Outreach Program for Entrepreneurs* (HOPE) yang menyasarkan 100 usahawan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) untuk mematuhi piawaian dan diberi pensijilan halal;
- b. pembangunan kapasiti seperti *Halal Home Grown Champion-Sourcing Partnership* untuk meningkatkan jumlah syarikat juara halal tempatan yang berdaya saing di pasaran antarabangsa. Program ini mensasarkan penyertaan sebanyak 500 syarikat PMKS; dan
- c. akses pembiayaan yang bersasar dan inklusif seperti *GoHalal Financing Program* dengan penyediaan bantuan kewangan bagi aktiviti pemasaran produk, peningkatan keupayaan dan kapasiti serta penambahbaikan fasiliti perniagaan.

NO SOALAN: 74

Selain itu, tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan pembinaan keupayaan, jati diri dan *mindset* keusahawanan yang merupakan faktor utama bagi melahirkan usahawan tempatan yang berjaya. Usahawan Bumiputera khususnya golongan muda akan terus diperkasakan dengan pembangunan *capacity and capability* untuk meningkatkan prestasi dan mengembangkan perniagaan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Juhanis Binti Abd Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilakukan Kerajaan dalam memastikan Banci 2020 benar-benar dilaksanakan dengan lengkap dan menyeluruh supaya statistik yang diperolehi mampu memberi gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa Malaysia termasuk saiz, taburan, komposisi dan ciri sosioekonomi penduduk serta perumahan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Objektif pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) adalah untuk mendapatkan stok dan profil penduduk dan perumahan negara yang komprehensif dan terkini. Pelaksanaan Banci Malaysia 2020 yang dirancang adalah pada 7 hingga 21 Julai 2020 (14 hari). Susulan daripada peningkatan penularan COVID-19 dalam negara, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melanjutkan tempoh pembancian secara bersemuka sebanyak tiga kali dan meneruskan banci dalam talian. Tempoh pembancian adalah 482 hari (7 Julai 2020 – 31 Oktober 2021).
2. Jabatan Perangkaan Malaysia mengambil langkah yang proaktif dan tersusun bagi memastikan Banci Malaysia 2020 dilaksanakan dengan lengkap dan menyeluruh. Antara lain, termasuk:
 - i. Melaksanakan semakan kualiti data secara bersasar semasa operasi pembancian;
 - ii. Menjalankan survei penilaian liputan banci selepas operasi pembancian; dan
 - iii. Melaksanakan semakan data banci menggunakan data pentadbiran daripada pelbagai agensi yang berkaitan untuk semakan melengkapkan data Banci Malaysia 2020.

3. Bagi memastikan Banci Malaysia 2020 dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan, pelbagai mod pembancian diperkenalkan iaitu melalui kaedah secara dalam talian iaitu *e-Census* dan *Computer-Assisted Telephone Interview* (CATI). Sementara itu, pembancian secara bersemuka melalui *Computer-Assisted Personal Interview* (CAPI), *Paper & Pen Interview* (PAPI) dan *Drop-off & Pick-up* (DOPU) juga turut dilaksanakan.

4. Secara keseluruhannya, penduduk Malaysia yang telah dibanci seramai 32.4 juta yang mana 91.9% penduduk telah dibanci secara elektronik (*e-Census*, CATI dan CAPI) dan 8.1% penduduk secara *paper-based* (PAPI dan DOPU).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan dan bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu belia-belia yang baru menamatkan pengajian untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajian selain daripada terlalu bergantung kepada pekerjaan yang tersedia dari sektor gig ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa merancang pelaksanaan pelbagai program bagi membantu meningkatkan kebolehkerjaan para belia yang baru menamatkan pengajian. Nilai tambah dan peningkatan kemahiran secara berterusan merupakan langkah intervensi penting dalam memastikan belia-belia yang baru menamatkan pengajian untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajian. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif, skim dan program antaranya:

1. Usaha pemerksaan ekosistem bakat diteruskan dengan program-program di bawah TalentCorp yang berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui melalui kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/swasta serta teknikal. Antara inisiatif yang dilaksanakan:
 - a. **Platform analitis penilaian psikometrik bersepadu** yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat dengan pekerjaan masa hadapan. **Lebih 160,000 profil bakat** telah mendaftar dengan platform ini yang melibatkan 22 institusi pengajian tinggi awam dan swasta;

- b. **Program Latihan Industri Berstruktur** bertindak sebagai penggalak kepada penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda dalam negara. Ia juga menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda. **Sejak dilaksanakan bermula tahun 2012, program ini telah memanfaatkan lebih 90,000 graduan;**

- c. **Young Employable Students** merupakan langkah intervensi proaktif dengan kerjasama pemain industri dan jurulatih akademik untuk meningkatkan kemahiran kerjaya graduan dalam elemen kepimpinan, kemahiran insani *soft-skills* **dengan izin**, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan. **Secara keseluruhannya, program telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 bakat graduan** di institusi pengajian tinggi awam dan swasta;

- d. **Kolaborasi Industri-Akademia** merupakan jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia. Kolaborasi ini melibatkan **20 institusi pengajian tinggi** dengan lebih **50 industri** dari pelbagai sektor ekonomi; dan

- e. **Program Pengekalan Bakat Tajaan Kerajaan** merupakan kolaborasi TalentCorp bersama Jabatan Perkhidmatan Awam berperanan untuk memudahkan graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di

sektor awam. Ini adalah untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia. Sehingga **Disember 2021, lebih 7,000 graduan JPA** telah diluluskan di bawah program ini untuk berkhidmat bersama syarikat berdaftar melibatkan lebih **3,000 majikan.**

2. Dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran, latihan kemahiran yang menekankan pelaksanaan latihan praktikal yang berkesan amatlah penting. Menyedari keperluan tersebut, Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran menawarkan dua kaedah latihan kemahiran iaitu:
 - a. Sistem Latihan Program Bertauliah adalah latihan teori dan praktikal yang dilaksanakan sepenuhnya di pusat latihan. Sehingga Januari 2022, terdapat 1,238 pusat latihan yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Ianya terdiri daripada 816 pusat latihan awam dan 422 pusat latihan swasta di seluruh Malaysia; dan
 - b. Sistem Latihan Dual Nasional pula berkonsepkan *Work-Based Learning* menggunakan pendekatan 70% latihan praktikal di tempat kerja sebenar manakala 30% latihan teori di pusat latihan. Sehingga Januari 2022, terdapat 738 pusat latihan dan 2,659 syarikat yang sedang menjalankan sistem latihan ini. Program ini menjadi platform komprehensif kepada mahasiswa yang berhasrat mengembangkan kepakaran melalui perolehan kemahiran teknikal, sosial dan kemanusiaan melalui sosialisasi di tempat kerja sebenar. Program ini turut menawarkan prospek kerjaya berasaskan

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang menggariskan kompetensi atau kemahiran diperlukan bagi pekerjaan mengikut sektor.

3. Selaras dengan pelancaran Platform Sehati Kebangsaan *UpskillMalaysia* pada 2 Disember 2021 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Kerajaan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad berperanan untuk menguruskan latihan dan pembangunan kemahiran di Malaysia menerusi platform ini. *UpskillMalaysia* adalah portal dalam talian yang memusatkan program di bawah inisiatif *Upskilling* dan *Reskilling* merentasi pelbagai kementerian dan agensi. Setakat ini, sebanyak 16 kementerian telah bekerjasama dan menyertai platform ini seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta lain-lain kementerian lagi.

4. Penubuhan **HRD Corp Placement Centre** sejak April 2021 yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga Februari 2022, sebanyak **38,673 peluang pekerjaan tersedia** melalui platform ini di mana lebih **4,000 pekerja telah berjaya** mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60% (2,400 pekerja) adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas.

5. Kerajaan juga telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF** dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan dalam mendapat pekerjaan, pekerjaan sendiri dan menambah serta meningkatkan kemahiran mereka. Setakat **4 Mac 2022**, sebanyak **85,527 pelatih** telah mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

6. Selain itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Latihan TVET berjumlah RM180juta yang dijangka memberi peluang kepada 12,000 orang pelatih untuk mengikuti latihan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

7. Kerajaan telah meluluskan Peruntukan iaitu Dana Pembiayaan i-MAHIR sebanyak RM2 juta yang akan melatih seramai 250 orang pelatih. Program Latihan kemahiran ini akan memperluas program mikro dan modular yang menyasarkan pelbagai peringkat kemahiran yg menggalakkan latihan tenaga kerja yang memenuhi keperluan semasa.

8. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan Dana Pembiayaan PERKASA TVET 2022 sebanyak RM100 juta yang berkonsepkan "*place and train*" yang akan memanfaatkan 13,300 orang pelatih. Latihan kemahiran diberikan sama ada bagi tujuan peningkatan kemahiran dengan izin *upskilling* atau kemahiran semula dengan izin *reskilling* kepada pekerja untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja dan mencipta bakat tersedia masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Taliban serta fungsi, peranan dan jumlah peruntukan elaun yang dibayar kepada Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah dan Penasihat Khas Mengenai Afghanistan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini dalam Dewan yang mulia ini, Malaysia berpendirian bahawa pembinaan negara dan bantuan kemanusiaan kepada Afghanistan mestilah diterajui oleh Afghanistan, dimiliki oleh Afghanistan dan dikawal oleh Afghanistan. (*Afghan-led, Afghan-owned and Afghan-controlled peace and national reconciliation process*)

3. Bagi tujuan memantau perkembangan situasi kemanusiaan di Afghanistan, saya telah melantik Dato' Ahmad Azam Ab Rahman sebagai Penasihat Khas Mengenai Afghanistan. Pelantikan beliau tidak melibatkan waran perjawatan mahupun peruntukan Kementerian Luar Negeri. Dalam hal ini beliau memantau perkembangan situasi kemanusiaan di Afghanistan dan memberi khidmat nasihat dan cadangan berkaitan kepada Kementerian Luar Negeri..

4. Manakala pelantikan YB Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang sebagai Utusan Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah adalah oleh YAB Perdana Menteri. Beliau dilantik pada 26 Mac 2020 dan pelantikan beliau telah disambung pada 21 September 2021. Soal peruntukan dan elaun beliau adalah di bawah bidang kuasa Pejabat YAB perdana Menteri.

5. Sebagai Utusan Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah, selain memastikan kepentingan strategik Malaysia dengan negara-negara di Timur Tengah terus terpelihara, beliau juga berperanan dalam mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan dengan beberapa negara lain termasuk Afghanistan.

Sekian, Terima kasih.

NO SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana
keberkesanan pelaksanaan inisiatif Kementerian bagi menarik warga
tempatan bekerja dalam sektor perladangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2021, seramai 127, 182 pekerja tempatan yang terlibat secara aktif dalam sektor perladangan. Bagi memastikan rakyat tempatan terus dilibatkan secara aktif dalam sektor pekerjaan agrikomoditi ini, Kementerian telah dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha untuk menarik minat mereka terutamanya golongan belia. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- i. mengadakan sesi libat urus bersama Institut Perladangan dan Komoditi (IMPAC) melalui penganjuran program dengan pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi awam bagi memberi pendedahan awal serta menarik minat golongan belia dan para pelajar untuk menceburi pekerjaan di sektor agrikomoditi;
- ii. melatih belia-belia tempatan secara berterusan di bawah IMPAC sebagai persediaan untuk menceburi industri komoditi. Antara fokus utama kursus dan latihan yang ditawarkan oleh IMPAC adalah pendedahan penggunaan jentera mekanisasi secara menyeluruh.
- iii. Menganjurkan Karnival Kerjaya Agrikomoditi secara atas talian dengan kolaborasi pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui MYFutureJobs pada bulan Mac 2021. Karnival ini adalah merupakan salah satu platform untuk membantu pihak industry dalam menarik minat golongan belia menceburi sektor

NO SOALAN: 78

perladangan dan agrikomoditi di samping membuka peluang pekerjaan kepada warga tempatan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19;

- iv. penubuhan Jawatankuasa Tenaga Kerja Sektor Perladangan dan Industri Komoditi (JTKSPIK) bagi menyediakan platform kepada pihak industri dan agensi Kerajaan untuk membincangkan tentang isu-isu serta permasalahan berkaitan tenaga kerja di samping menggalakkan pihak industri menggaji pekerja tempatan dan tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.
- v. penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pemerkasaan Pembangunan Modal Insan Industri Perabot (JTPMIP) dengan objektif untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya golongan belia dalam menceburi kerjaya di industri perabot dan seterusnya menangani kebergantungan negara terhadap pekerja asing dalam industri tersebut.
- vi. memberikan insentif Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) kepada majikan untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi menarik minat pekerja tempatan. Dalam usaha untuk menggalakkan syarikat perladangan dan pekebun kecil menggunakan peralatan dan jentera perladangan, diskaun sehingga 20% ditawarkan bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di ladang sawit di bawah OPIMIS. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi melaksanakan skim ini;

NO SOALAN: 78

- vii. penubuhan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) untuk membantu meningkatkan penggunaan teknologi dan jentera di lading sawit dan mengubah lanskap sektor perladangan daripada berintensifkan buruh kepada berintensifkan mekanisasi dan automasi secara berperingkat sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; dan

- viii. menggalakkan kajian dan penyelidikan dalam bidang mekanisasi melalui Dana Mekanisasi Sawit. Dalam usaha untuk menggalakkan dan membiayai aktiviti penyelidikan berkaitan mekanisasi oleh institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa, peruntukan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta telah diwujudkan. Melalui penyelidikan yang berterusan adalah diharap lebih banyak jentera yang lebih sesuai pada kos yang rendah dapat direkapipta dan diguna pakai bagi meningkatkan produktiviti dan seterusnya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI
MUSA
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah pelaksanaan dan penentuan gaji minimum tidak dikaji mengikut negeri. Setakat ini, gaji minimum Malaysia ditentukan mengikut kadar berbeza hanya untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak perintah gaji minimum dilaksanakan di Malaysia, **kadar gaji minimum berbeza mengikut wilayah** iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak **pernah dilaksanakan** melalui Perintah Gaji Minimum 2012 dan 2016. Perbezaan kadar ini adalah disebabkan oleh perbezaan struktur ekonomi di ketiga-tiga wilayah. Namun, Kerajaan berusaha merapatkan jurang perbezaan dan berhasrat menjadikannya satu kadar seragam seluruh negara.

Pelaksanaan gaji minimum berdasarkan negeri perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana akan mengakibatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan yang lebih kompleks. Kadar gaji minimum yang berbeza di setiap negeri akan mengakibatkan migrasi pekerja dari negeri dengan kadar gaji minimum rendah ke negeri yang mempunyai kadar gaji minimum lebih tinggi.

Pihak *International Labour Organisation* juga tidak menggalakkan sistem gaji minimum yang kompleks. Struktur gaji minimum yang kompleks memberi cabaran kepada penyampaian maklumat dan komunikasi serta boleh menimbulkan kekeliruan dan konflik. *International Labour Organisation* mencadangkan supaya negara ahli melaksanakan sistem gaji minimum yang ringkas dan mudah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk John Ambrose minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan eksport barangan Malaysia dan pelaburan di Malaysia dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertumbuhan ekonomi mampan secara berterusan menerusi pemerkasaan perdagangan dan pelaburan merupakan matlamat utama Kerajaan. Namun, sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan terbuka, Malaysia juga turut terdedah kepada pelbagai risiko dan ketidaktentuan ekonomi dunia termasuklah konflik geopolitik, serta pandemik COVID-19 yang menjejaskan kapasiti pengeluaran dan rangkaian bekalan global.

Menyedari hakikat ini, MITI serta agensi-agensinya secara aktif mengambil tindakan yang pantas dan berkesan untuk menjadikan Malaysia terus kekal di trajektori ekonomi yang positif. Bagi meningkatkan eksport barangan Malaysia dan pelaburan di Malaysia, MITI dan agensi telah mengambil dan merancang beberapa inisiatif seperti berikut:

Pertama, MITI menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah membangunkan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (RTPN) 2021-2025 yang merupakan pelan komprehensif bagi tempoh lima tahun untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia di arena perdagangan antarabangsa. Pelan ini bertujuan untuk memacu ekosistem perdagangan yang lebih cekap melalui pengukuhan fasilitasi perdagangan, logistik, pematuhan piawaian, akses pasaran, kemampanan perniagaan, pendigitalan, pelaburan serta penjenamaan. Salah satu daripada inisiatif di bawah RTPN adalah menggalakkan pelaburan dalam industri baharu yang akan menyumbang bagi meningkatkan eksport negara. Pelaksanaan RTPN ini melibatkan

penggembengan tenaga daripada pelbagai Kementerian, Agensi, Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan serta pihak swasta yang terlibat dalam ekosistem perdagangan dan pelaburan.

Untuk memperkukuh keupayaan eksport syarikat tempatan di pasaran antarabangsa, bagi tahun 2022, MATRADE akan melaksanakan sejumlah 232 program pembangunan pengeksport. Ini termasuk program pembangunan terancang (*customised development program*), khidmat nasihat, latihan serta program bantuan eksport. Program-program pembangunan pengeksport ini juga bertujuan meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengambil bahagian dan berdaya saing di pasaran global.

Selain itu, bagi meningkatkan prestasi eksport dan akses pasaran syarikat, MATRADE akan menganjurkan 54 program promosi eksport yang terdiri daripada Pameran Perdagangan Ikonik, Misi Akselerasi Eksport dan Program Penyumberan Antarabangsa bersempena program perdagangan antarabangsa terkemuka.

Kedua, bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan, MITI telah merencanakan agenda pelaburan negara baharu dengan pengenalan Dasar Pelaburan Baharu Negara Berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations (NIA)*). Dasar ini merupakan pendekatan yang menasaskan pelaburan berkualiti tinggi berintensifkan modal dan teknologi dengan berteraskan elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance - ESG*). Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima teras utama iaitu, meningkatkan

economic complexity, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rangkaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada, serta mempertingkatkan keterangkuman di mana tumpuan akan diberikan kepada lima (5) sub-sektor utama iaitu Elektrikal & Elektronik, Ekonomi Digital, Farmaseutikal, Kimia, dan Aeroangkasa.

Selain daripada itu, terdapat beberapa langkah-langkah signifikan yang telah diperkenalkan bagi memudah cara kemasukan pelabur asing ke Malaysia seperti:

- Pengenalan pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasinya ke Malaysia ataupun menubuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 31 syarikat telah diluluskan tawaran galakan cukai tersebut. Daripada jumlah ini, 2 syarikat diluluskan galakan tersebut dengan bersetuju menerima syarat-syarat tawaran galakan berkenaan.
- Menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office*) dengan kolaborasi digital sepenuhnya antara MIDA dan MDEC bertujuan untuk mengkoordinasi, memantau dan mempercepatkan pelaburan digital di negara ini. Peranan DIO adalah selaras dengan Rangka Tindakan MyDIGITAL untuk menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor digital sehingga tahun 2025.

- Penubuhan Pusat Sehenti untuk pelawat perniagaan jangka pendek atau *One Stop Centre* (OSC) untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan sewaktu pandemik. Setakat 10 Mac 2022, OSC telah memfasilitasi sebanyak 3,045 syarikat dengan jumlah pelaburan berpotensi sebanyak RM169.5 bilion.
- Penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA dan pelbagai digital platform seperti InvestMalaysia juga telah mempercepatkan kelulusan daripada pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia di setiap peringkat. Bermula daripada tahun 2019 sehingga November 2021, PACU telah memfasilitasi 1,419 projek untuk pelaksanaan.

Kerajaan juga melaksanakan inisiatif berimpak tinggi seperti *Trade and Investment Mission* (TIM) dalam usaha meningkatkan eksport barangan Malaysia dan menarik pelaburan asing ke Malaysia.

MITI telah menjalankan sebanyak empat TIM ke 10 buah negara yang telah berjaya memperolehi komitmen pelaburan sebanyak RM50 bilion dan dijangka mewujudkan lebih daripada 30,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, TIM tersebut juga telah berjaya menjana sejumlah RM3.85 bilion potensi eksport barangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk pembinaan Peninsular Gas Utilisation Project (PGUP) untuk negeri Kelantan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan talian paip penghantaran gas asli di Kelantan melalui penyambungan daripada rangkaian *Peninsular Gas Utilisation* (PGU) sedia ada merupakan salah satu perancangan pembangunan ekonomi di Wilayah Pantai Timur oleh *East Coast Economic Region* (ECER).
2. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut pada masa ini dilihat kurang berdaya maju kerana melibatkan kos yang tinggi dan permintaan gas asli jangka panjang yang tidak mencukupi bagi memastikan kestabilan operasi projek serta pulangan jangka panjang yang sewajarnya kepada pelabur.
3. Sebagai alternatif, permintaan gas asli di negeri Kelantan masih boleh dibekalkan melalui penghantaran trak, atau lebih dikenali sebagai "*virtual pipeline*". Berdasarkan anggaran kos projek dan permintaan gas asli semasa di negeri Kelantan, pembekalan gas melalui trak adalah lebih ekonomikal berbanding talian paip penghantaran.

NO SOALAN: 81

4. Pelaksanaan projek pembinaan talian paip penghantaran gas asli di Kelantan akan diberi pertimbangan sewajarnya sekiranya unjuran permintaan gas asli jangka panjang adalah mencukupi bagi menampung kos pembinaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mengekang normalisasi dalam penyiaran drama atau filem yang keterlaluan dengan menyiarkan unsur "soft-porn" atau LGBT di televisyen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620]. Merujuk kepada peruntukan tersebut, LPF bertanggungjawab melaksanakan penapisan filem yang disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan secara fizikal (konvensional) kepada masyarakat umum di Malaysia (kecuali melalui internet).

Dalam melaksanakan proses penapisan filem, LPF menggunakan Garis Panduan Penapisan Filem, KDN 2010. Terdapat empat (4) aspek utama yang digariskan dalam garis panduan tersebut yang diteliti dan diberi perhatian khusus oleh ahli-ahli Lembaga semasa menapis sesebuah filem, iaitu:

- i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- ii. Keagamaan;
- iii. Sosiobudaya; dan
- iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan.

NO SOALAN: 82

Secara umumnya, usaha mengekang normalisasi dalam penyiaran drama atau filem yang keterlaluan dengan menyiarkan unsur "soft-porn" atau LGBT di televisyen adalah dilaksanakan oleh kerajaan melalui proses penapisan filem yang dijalankan oleh LPF. LPF akan mengarahkan supaya kandungan filem yang mengandungi unsur-unsur mempromosi gaya hidup LGBT dibuat pengubahan (potongan) atau LPF akan memberi keputusan 'tidak lulus untuk tayangan' ke atas sesebuah filem, bergantung kepada keseluruhan jalan cerita, tema, adegan, dan dialog filem tersebut.

Pada masa kini, LPF melaksanakan penapisan filem ke atas kandungan filem yang disiarkan di stesen televisyen berikut:

- i. TV Al Hijrah;
- ii. Unifi TV (TM Net);
- iii. Awesome TV; dan
- iv. TV Sarawak.

Manakala stesen-stesen televisyen berikut pula melaksanakan penapisan filem secara sendiri (*self-censorship*):

- i. Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO);
- ii. Media Prima Berhad (TV3); dan
- iii. Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Dalam melaksanakan penapisan secara sendiri, stesen-stesen televisyen berkenaan telah disyaratkan oleh KDN untuk merujuk kepada Garis Panduan Penapisan Filem, KDN 2010. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran, tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta 620.

NO SOALAN: 82

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menetapkan harga yang berpatutan dan menyelia ketetapan tersebut bagi ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) terutamanya di pusat kesihatan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 berkuatkuasa bermula pada 17 Mei 2021, caj pengujian COVID-19 bagi makmal-makmal swasta telah diselaraskan kepada RM150 (Semenanjung) dan RM200 (Sabah dan Sarawak) iaitu di bawah peruntukan seksyen 4 Ordinan tersebut iaitu Permintaan bagi Penggunaan Sumber. Namun, kadar caj ini terbatal susulan pengungkapan Ordinan Darurat pada 8 Disember 2021.
2. Mengambil kira kebajikan rakyat, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memberi perkhidmatan ujian PCR secara percuma di premis kesihatan awam iaitu kepada individu yang bergejala dan kontak rapat kepada kes positif. Oleh itu, sekiranya individu memohon untuk menjalankan ujian PCR di premis kesihatan, penilaian risiko akan dilakukan sebelum ujian dijalankan ke atas individu tersebut. Selain itu, perkhidmatan ujian PCR percuma juga diberi kepada warga Malaysia yang akan keluar negara bagi urusan rasmi kerajaan dan warga Malaysia yang pulang ke tanah air.
3. Berkenaan harga RT-PCR yang dicaj di fasiliti swasta, perkara ini sering dibincangkan daripada semasa ke semasa antara Kementerian Kesihatan dengan pihak KPDNHEP. Antara cabaran yang dikenal pasti adalah kos input seperti *reagents* yang tinggi serta cabaran tukaran mata wang asing. Ujian RT-PCR juga mengambil masa yang lama untuk diproses selain memerlukan

kepakaran profesional serta keperluan makmal dengan kelengkapan yang canggih. Perkara-perkara sebegini menyebabkan kos ujian RT-PCR adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Memandangkan negara sedang menuju ke fasa peralihan endemik dan seterusnya ke endemik kelak, maka sewajarnya rakyat tidak lagi bergantung kepada ujian RT-PCR dalam menentusahkan sama ada seseorang itu dijangkiti COVID-19 atau tidak. Protokol Kementerian Kesihatan dalam pengendalian kes kini ditumpukan kepada *symptomatic testing* atau ujian bergejala dengan menggunakan ujian RTK-Ag sendiri yang mana kaedah ini lebih murah dan lebih pantas. Individu yang disahkan positif melalui ujian sendiri dapat mengasingkan diri dengan lebih awal sekiranya dibandingkan dengan tempoh menunggu keputusan RT-PCR yang sudah tentu mengambil masa yang lebih lama. Dalam peringkat peralihan ini, RT-PCR ini sepatutnya hanya perlu digunakan untuk pengembara atau di dalam *clinical setting* sahaja.
5. Jika dilihat kepada negara-negara yang telah beralih kepada pembukaan yang lebih luas seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, negara-negara ini juga tidak lagi bergantung kepada ujian RT-PCR sebaliknya telah beralih kepada *rapid lateral flow test* atau di Malaysia ini disebut sebagai ujian sendiri RTK-Ag.

6. Berhubung aduan orang ramai berkenaan ketepatan kit ujian sendiri ini, pihak *Medical Device Authority* (MDA) akan sentiasa memantau dan membuat audit serta semakan berkala ke atas semua kit ujian yang telah diluluskan untuk dijual di pasaran dalam memastikan ia adalah berkualiti dan berupaya mengesan kes positif seperti mana dokumen yang telah dihantar oleh pemegang lesen ketika permohonan kelulusan dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah penerima program MyKasih Kapital dan berapakah jumlah mereka yang telah berjaya melaksanakan perniagaan atas talian dengan inisiatif dari program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MyKasih Kapital merupakan insentif tambahan kerajaan yang telah diumumkan sempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 sebagai suntikan modal perniagaan berbentuk keusahawanan khusus kepada golongan wanita yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19 pada masa kini.

Pemberian insentif secara *one-off* dengan modal sebanyak RM500.00 diberikan sebagai usaha permulaan kepada mereka untuk menggalakkan wanita berniaga di samping membantu mereka menjana semula ekonomi keluarga melalui perniagaan menggunakan platform e-dagang atau *dropship* dan lain-lain perniagaan.

Kementerian ini bersama rakan strategik seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), PERKESO, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan MAXIS telah melaksanakan kursus untuk memberi bimbingan melalui **Program Keusahawanan Wanita Bangkit** yang dijalankan melalui platform atas talian dan juga secara fizikal sebagai syarat untuk melayakkan peserta menerima insentif program ini.

Sehingga 10 Mac 2022, sejumlah **9,360 wanita** telah berjaya mengikuti kursus tersebut dan menerima insentif ini. Kesemua peserta ini telah menjalankan perniagaan secara atas talian seperti *dropship* kosmetik, makanan kesihatan, makanan segera, gerai kecil kecilan, bakeri, makanan bermasak, spa kecantikan dan jahitan.

NO SOALAN: 84

Sejak dilaksanakan, program ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dan membantu golongan wanita untuk menjana pendapatan ekonomi keluarga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

Puan Noraini Binti Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi terhadap pemberian kewarganegaraan menerusi naturalisasi kepada warganegara luar khususnya pemain bola sepak yang diimport untuk bermain di kelab-kelab bola sepak tempatan sedangkan ramai lagi warganegara kita termasuk golongan ibu yang masih berhadapan dengan masalah dalam perihal status kewarganegaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen. Fakta dan dokumen bukti yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes.

Sekian, terima kasih.